

BAB 5

JENIS-JENIS PEMBURUAN

5.0 Pendahuluan

Aktiviti perburuan yang dilakukan oleh orang Arab Jahiliyah terdiri daripada tiga jenis perburuan, iaitu perburuan darat, perburuan udara dan perburuan laut.

5.1 Perburuan Darat

Perburuan jenis ini berkisar antara perkara penting:

Pertama: Untuk memperoleh manfaat dari segi keperluan fizikal seperti makanan, pakaian, hamparan dan keperluan-keperluan hidup yang lain.

Kedua: Untuk menolak bencana dan mala petaka. Contohnya seperti memburu singa dengan tujuan untuk menyelamatkan keluarga daripada ancamannya, memburu serigala dengan tujuan untuk menyelamatkan ternakan dan lain-lain seumpamanya. Dan seterusnya untuk beberapa tujuan lain sepertimana yang telah disebutkan sebelum ini.

Aktiviti ini penuh dengan sifat-sifat kepahlawanan dan permainan yang merupakan persiapan untuk berperang. Dengan demikian orang Arab Jahiliyah tidak terpisah daripada aktiviti ini.

Perburuan darat ini adalah yang paling luas bidangnya. Hal ini kerana bagi seorang Arab membuktikan kebolehan dalam pertarungan yang berlaku di atas muka bumi dalam menghadapi musuh adalah sesuatu yang diperlukan. Kemenangan selalunya berpihak kepada orang yang bersedia dan sentiasa berjaga-jaga. Manakala kekalahan bagi pemburu-pemburu dalam hubungan ini ialah lolosnya haiwan atau terlepas dari tangannya.

Di bawah ini dipaparkan *mathal-mathal* yang berkaitan dengan binatang-binatang buruan. Pengungkapan *mathal-mathal* ini dipengaruhi oleh aktiviti perburuan yang dijalankan oleh orang Arab Jahiliyah. Walaupun binatang peliharaan dan binatang jinak tidak tergolong dalam golongan binatang perburuan rasanya perlu juga dikemukakan di sini beberapa *mathal* yang berkaitan dengan haiwan jenis ini. Dari sini kita akan dapat menilai sedikit sebanyak tentang perbezaan antara dua jenis binatang ini mengikut pemikiran dan penilaian orang Arab terutama Arab Jahiliyah. Di samping itu makanan yang berasaskan binatang turut dipaparkan.

Binatang atau mangsa buruan di kalangan orang Arab Jahiliyah banyak sekali terkandung dalam *mathal-mathalnya*. Antaranya:

5.1.1 Dab

Sebelum ini *mathal* dan cerita tentang dab dipaparkan. Namun apa yang dipaparkan sebelum ini hanya difokuskan kepada satu sifat yang dimiliki oleh binatang ini, iaitu berkaitan dengan kecerdikan dan kepandaian dalam membuat helah. Ini adalah sepertimana yang diperhatikan oleh pemburu-pemburu Arab. Manakala kali ini paparan lebih luas mengenai *mathal-mathal* yang dikaitkan dengan binatang ini.

Dab ialah binatang yang merayap dari jenis biawak dan landak. Nama jolokannya ialah “*Abu Hisl*” yang bermaksud ‘Pak Hisl’. *Hisl* adalah nama yang merujuk kepada anak dab yang kecil dan juga yang baru menetas¹.

Seperti yang disebutkan sebelum ini bahawa nama binatang ini dikaitkan oleh orang Arab Jahiliyah dengan kepintaran, berjaga-jaga dan kesabaran. Kehidupan haiwan ini diselubungi dengan keistimewaan tentang apa yang diketahui dan apa yang sebenarnya berlaku.

Mereka memerhatikan hal keadaannya dengan begitu teliti dan mendapati haiwan ini adalah kemuncak dalam kecerdikan. Seinggakan, ia diambil sebagai ikutan dalam hal ini selama ia berada di dalam lubang. Akan tetapi ia juga pada

¹ Abu: ‘Aliyy, hlm.202.

kemuncak kebodohan dan kedegilan hingga dijadikan *mathal* penuh dalam hal ini selama ia di luar lubangnya.

Sesungguhnya kesulitan yang terjadi ketika memburu dab itu membawa kita kepada keyakinan bahawa itulah sumber kekuatan dan makanan mereka di samping menggunakan kulit haiwan ini. Keadaan dan situasi seumpama ini telah mempengaruhi kelahiran banyak *mathal* yang berkaitan dengan binatang ini, antaranya:

أَخَذَ مِنْ ضَبِّ¹

Maksudnya: “Lebih memperdaya (berhelah) daripada dab”

Penerangan mengenaiya telah dibincangkan sebelum ini.

Mathal berikut mengandungi perkara lain yang ada kaitan dengan binatang ini.

Mathal ini berbunyi:

بَدَتْ جَنَادِعُهُ²

Maksudnya: “Telah muncul kumbang-kumbangnya”. Dalam penerangan mengenaiya Jana:di‘ kata jamak bagi perkataan janda‘³ yang memberi makna kumbang atau kumbang kabur, iaitu sejenis serangga yang tidak terbang.

¹al-Mayda:niyy, jld. 1 , hlm.457.

² Ibid, jld.1, hlm. 177

³ Ibid, jld.1, hlm. 177

Serangga ini sentiasa mendiami lubang dab. Sekiranya seorang pemburu atau penggali lubang dab hampir sampai kepadanya, akan muncullah serangga ini. Maka dikatakan: “Sudah nampak janadi`uhu (kumbang-kumbangnya)”.

Dari segi penggunaannya pula *mathal* ini digunakan untuk menerangkan sesuatu yang dirahsia dan disembunyikan itu telah mula terbuka dan terdedah serta membawa kepada pecah tembelang.

Manakala *mathal* berikut pula mengaitkan binatang ini dengan jenis tanah tempat dia membuat kediamannya. *Mathalnya* berbunyi:

مَا هُوَ إِلَّا ضَبُّ كُدْيَةٍ¹

Maksudnya “Tidaklah dia melainkan dab kudyat”.

Dalam penjelasannya dikatakan “kudyat” yang bermaksud permukaan bumi yang keras. Dab dikaitkan dengannya kerana haiwan ini menggali lubang pada permukaan bumi yang keras kerana takut lubangnya akan runtuh di atasnya².

Mathal ini digunakan untuk menggambarkan seseorang yang degil, keras kepala, susah mengikuti nasihat orang lain, susah dikuasi, kebal dan sebagainya.

¹al-Mayda:niyy, jld. 3, hlm. 257.

² Ibid, jld.3, hlm.257.

Mathal berikut ini pula merupakan *mathal* rekaan orang-orang Arab yang dikaitkan dengan binatang ini. Ini adalah hasil daripada ketelitian mereka dalam memerhatikan tingkah laku dab. *Mathalnya* berbunyi:

أَجَلٌ مِّنَ الْحَرَشِ¹

Maksudnya “Lebih hebat daripada *al-Harsh*”.

Dalam menerangkan perkara ini orang-orang Arab telah mereka dan mencipta sebuah cerita yang menggambarkan dialog antara seekor dab dengan anaknya yang memberi peringatan kepada anaknya supaya sentiasa berwaspada terhadap ancaman musuh mereka. Kononnya seekor dab berkata kepada anaknya: “Wahai anakku berwaspadalah terhadap *al-Harsh*.” Anak itu berkata: “Wahai Ayah, apa itu *al-Harsh*?” Dia berkata: “Akan datang seorang lelaki dan menyapu tangannya pada lubangmu. Lelaki itu meneruskan perbuatannya itu terus-menerus. Kemudian lubang itu akan diruntuhkan dengan batu besar.” Anaknya berkata: “Wahai Ayah, apakah ini *al-Harsh*?” Dia menjawab: “Wahai anakku ini lebih hebat daripada *al-Harsh*”.²

Mathal ini digunakan untuk menggambarkan seseorang yang takut dan bimbang akan sesuatu bencana menimpanya. Sedangkan apa yang menimpanya itu adalah bencana yang jauh lebah besar daripada apa yang dibimbangnya.

¹al-Mayda:niyy, jld.1, hlm. 333.

² Ibid, jld.1, hlm.333.

Seterusnya dikemukakan satu *mathal* yang dipengaruhi oleh tingkah laku dab.

Mathal ini berbunyi:

أَخَذَهُ أَخَذَ الضَّبِّ وَلَدَهُ¹

Maksudnya: “Dia mengangkatnya cara dab mengangkat anaknya”. Dalam penerangannya bahawa ini adalah cara mengangkat yang begitu kasar yang boleh membawa kepada kesakitan, kecederaan bahkan boleh membawa kepada kematian. Hal ini kerana dab menjaga telurnya daripada pemangsa. Apabila telurnya menetas, ia menyangka anak-anaknya itu adalah ular. Maka ia pun mengangkat mereka satu persatu dan membunuhnya. Maka tiada yang akan selamat kecuali yang terpisah.²

Mathal ini digunakan dalam memberi gambaran tentang kekasaran layanan yang dilakukan oleh seseorang terhadap pihak lain, sama ada layanan ibu terhadap anak-anaknya, layanan ketua terhadap orang-orang di bawah pimpinannya, layanan doktor terhadap para pesakitnya dan lain-lain seumpamanya.

Mathal berikut pula mengaitkan dab dengan kebodohan. *Mathal* ini berbunyi:

¹al-Mayda:niyy, jld. 1, hlm.43.

²Ibid, jld.1, hlm.43.

أَحْيَرُ مِنْ ضَبٍّ¹

Maksudnya: “Lebih hairan (bingung) daripada dab”.

Dalam penerangannya, dinyatakan bahawa sekiranya ia keluar dari lubangnya, ia tidak akan dapat pulang kembali semula.²

Mathal ini digunakan untuk menggambarkan keadaan seseorang yang berada dalam keadaan kebingungan yang terhasil daripada ketidakmampuannya di dalam menggunakan akal fikirannya dalam membuat sesuatu keputusan.

أَعْوُ مِنْ ضَبٍّ³

Maksudnya: “Lebih tegar daripada dab”. Dalam penerangannya ada disebut bahawa ia memakan anaknya kerana menyangka bahawa anak-anaknya itu adalah pemakan atau pemangsa kepada telur-telurnya.

Mathal berikut pula dipengaruhi oleh keadaan persekitaran yang terdapat di sekeliling lubang kediaman dab.

كُلُّ ضَبٍّ عِنْدَهُ مِرْدَاتُهُ¹

¹al-Mayda:niyy, jld.1, hlm.404

² Ibid, jld.1, hlm.404.

³ Ibid, jld.2, hlm.396.

Maksudnya: “Setiap dab mempunyai *mirda:t*nya (batu pelontarnya)”.

Menurut penjelasan *mathal* ini, *mirda:t* ialah batu yang digunakan untuk melontarnya. Dab adalah haiwan kurang cerdik yang tidak akan membuat rumahnya kecuali pada batu yang dapat dikenali tandanya. Maka sesiapa yang ingin mendapatkan binatang ini, dia akan melontar dab itu dengan menggunakan batu-batu yang terletak di sekitar lubanganya itu.²

Mathal-mathal yang dihimpun di sini menjelaskan dengan terang ciri-ciri yang saling bertentangan dari apa yang telah disebut mengenai haiwan ini. Ia berasaskan dua pola. Kepintaran dan kebodohan yang terjadi akibat keadaan di dalam dan luar lubang. Sebagai tambahan, empat *mathal* pertama menunjukkan ciri kepintaran dan empat *mathal* yang seterusnya menunjukkan ciri kebodohan. *Mathal* yang kelapan menunjukkan dab meletakkan dirinya dalam persekitaran yang boleh mengundang bahaya..

Sebagai penutup bagi *mathal* mengenai dab ini, penulis mendatangkan dua *mathal* untuk menyempurnakan gambaran tentang pengaruh binatang ini dalam pengungkapan *mathal*.

¹al-Mayda:niyy, jld.3, hlm.6

² Ibid, jld.3, hlm.6

أَطْعِمَ أَخَاكَ مِنْ عَقْنَقِيلِ الضَّبِّ إِنَّكَ إِنْ تَمْنَعِ أَخَاكَ يَعْضَبُ¹

Maksudnya: “Jamulah saudara kamu dengan dab yang besar, sekiranya engkau menahan saudaramu (daripada memakan dab yang besar), dia akan marah.

Mathal di atas menunjukkan bahwa dab adalah makanan kegemaran orang-orang Arab. Ini tepat sekali seperti yang digambarkan dalam *mathal* itu.

Dengan demikian dapat dilihat haiwan dab dalam hubungan ini adalah makanan yang sedap dan menyelerakan. Kalau tidak, masakan orang yang tidak dapat merasanya akan jadi marah. Bahkan sekiranya ia tidak begitu menyelerakan, maka ia tidak akan menjadi keinginan. *Mathal* ini datang dalam konteks yang bersesuaian dengan maksud serta menjadi *mathal* dalam kekecewaan.

Mathal seterusnya:

أَزْوِي مِنْ ضَبِّ²

Maksudnya: “lebih menghilangkan dahaga daripada dab”

¹al-Mayda:niyy, jld.2, hlm.284.

² Ibid, jld.2, hlm. 74.

Dalam *mathal* di atas sebab utama mengapa dikatakan begitu, kerana haiwan ini tidak minum air. Ia akan menghadap ke arah angin jika haus, lalu membuka mulutnya dan itulah menjadi penghilang hausnya.¹

Binatang ini juga turut dikaitkan oleh orang Arab Jahiliyah dalam menyatakan sesuatu yang mustahil. Ini sepertimana yang terdapat dalam ungkapan yang berikut:

لَا يَكُونُ كَذَا، حَتَّى يَرِدَ الضَّبُّ / لَا أَفْعَلُ حَتَّى يَمِينَنَّ الضَّبُّ فِي آثَرِ الْإِبِلِ

Maksudnya: “Tidak akan terjadi... sehinggakan dab datang”. Dan “Aku tidak akan melakukan perkara itu sehingga dab dapat mengejar unta” ini menunjukkan kepada sesuatu yang mustahil dan tidak mungkin akan berlaku.”²

Di sini didapati ada persamaan dengan peribahasa Melayu “Tunggulah sehingga kucing bertanduk”

Pada masa ini binatang dab ini masih boleh diperolehi dengan mudah dimana ia masih menjadi makanan kegemaran sesetengah orang Arab. Mengikut pengalaman penulis yang pernah menjamah hidangan dab ini, rasa daging dab lebih manis dan lebih lazat berbanding dengan daging ayam. Daging dab ini juga

¹al-Mayda:niyy, jld. 2, hlm. 74

² Abu: ‘Aliyy, hlm.205.

dikatakan sumber tenaga dan sumber kekuatan serta dianggap sebagai penawar kepada beberapa jenis penyakit. Dakwaan ini semua bergantung sepenuhnya kepada mereka yang pernah mencubanya dan menjadikannya sebagai sumber pemakanan yang berkhasiat.

Dari segi hukum binatang dab ini adalah halal untuk dimakan. Kerana pada suatu ketika Rasulullah SAW dihidangkan dengan daging dab yang dipanggang. Walaupun Rasulullah tidak memakannya, baginda tidaklah pula melarang para sahabat daripada memakannya. Hadithnya ialah:

حَدَّثَنَا قُتَيْبَةُ بْنُ سَعِيدٍ حَدَّثَنَا لَيْثٌ وَحَدَّثَنِي مُحَمَّدُ بْنُ رَمْحٍ أَخْبَرَنَا اللَّيْثُ عَنْ نَافِعٍ عَنْ ابْنِ عُمَرَ قَالَ : (سَأَلَ رَجُلٌ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنْ أَكْلِ الضَّبِّ فَقَالَ لَا أَكُلُهُ وَلَا أُحَرِّمُهُ)¹

Maksud isinya: “Seorang lelaki telah bertanya kepada Rasulullah SAW tentang hukum makan dab. Jawab Baginda: Saya tidak memakannya dan tidak pula mengharamkannya”

5.1.2 Kijang

Kijang merupakan antara haiwan yang hidup di Tanah Arab. Kaitannya dengan kehidupan orang-orang Arab Jahiliyah terlalu banyak. Mereka ini menganggap kijang merupakan binatang yang paling lemah lembut dan yang paling banyak

¹<http://www.islamweb.net/ver2/archive/hadithsearch.php?lang=A&BkNo=000&Word=عن%20أكل%20الضب&Scope=MainBook&StartNo=1>.(2008)
الحديث 1943 رواه مسلم

menyimpan maksud. Ia menjadi fokus ramai penyair, dan mengaitkannya dengan perasaan rindu kepada orang yang dikasihi terutama sekali yang berkaitan dengan masalah cinta.¹

Orang Arab Jahiliyah didapati memberikan perhatian yang bersungguh-sungguh terhadap segala tingkah laku, gelagat dan segala hal keadaan yang berkaitan dengan kehidupan binatang ini. Mereka seolah-olah mengekori dan mengintip setiap langkah binatang ini. Dengan demikian banyak nama dan sifat diberikan kepadanya. Keadaan ini mempengaruhi *mathal* yang berkaitan dengannya.²

Orang-orang Arab memberikan berbagai-bagai nama kepada kijang, sama juga seperti yang diberikan kepada binatang-binatang lain yang hidup di persekitaran mereka. Nama dan gelaran tersebut diberikan kepada binatang ini sama ada berdasarkan kepada peringkat kehidupan mereka, jenis, jantina dan lain-lain. Keadaan ini amat berbeza sekali dengan apa yang terdapat kalangan orang Melayu. Contohnya, lembu. Untuk membezakan lembu jantan dan lembu betina, jantina binatang itu diungkapkan bersama perkataan lembu, iaitu lembu jantan atau lembu betina. Manakala untuk menentukan peringkat umurnya pula masyarakat kita menyebut contohnya anak lembu, lembu dara, lembu muda, ibu lembu dan lain. Hal ini kerana dalam masyarakat kita tidak ada satu perkataan yang khusus yang boleh menunjukkan kepada peringkat itu.

¹ Abu: 'Aliyy, hlm.205.

² Ibid.hlm.205.

Berikut ini beberapa nama yang telah diberikan kepada kijang mengikut peringkat kehidupan atau peringkat umurnya:

- 1- Bagi yang baru dilahirkan Dipanggil الطلا *al-Tala:*' (yang berkilau)¹
- 2- Apabila ia bergerak dan berjalan dipanggil الرشا *al-Rasha*'.²
- 3- Apabila tumbuh tanduknya, dipanggil شادن³ *Shadan* atau يغفور⁴ *Ya'fur* atau خشف *Khisfh*.⁵
- 4- Dan apabila mula menjadi kuat, ia dipanggil شصر *Shasar*⁶
- 5- Kemudian apabila kekuatannya bertambah dinamakan جذع *Jaza*'⁷
- 6- Kemudian ia dipanggil ثني *Thinniyy*⁸ dan kekal begitu sehingga ia mati.

Antara jenis kijang yang terkenal ialah *al-Aaram*, *al-Udmu* dan *al-Ufru*. *al-Aaram* merupakan kijang yang paling banyak daging dan lemaknya. Dengan itu ia bergelar kijang biri-biri. Badan kijang ini putih. *al-Udmu* pula mempunyai mata yang seakan bercelak, putih di bahagian perut dan gelap belakang badannya. Manakala *al-Ufru* berbadan merah atau putih kemerah-merahan dan juga

¹ Ibn Manzu:r, Perkara: طلي

² Ibid, Perkara: رشا

³ Ibid, Perkara: شادن

⁴ Ibid, Perkara: عفر

⁵ Ibid, Perkara: خشف

⁶ Ibid, Perkara: شصر

⁷ Ibid, Perkara: جذع

⁸ Ibid, Perkara: ثني

dikatakan yang paling garang, paling kecil bentuk badannya dan yang paling pantas lariannya.¹

Mungkin disebabkan gabungan sifat fizikal dan tabiat pada kijang yang menjadikan ia mendapat perhatian yang lebih dalam masyarakat Arab Jahiliyah. Ia juga memiliki bentuk badan yang bersesuaian dengan keadaan sifatnya yang lemah lembut dan prihatin. Ia mengeluarkan suara seperti seorang bayi, iaitu suara yang nyaring untuk memanggil anak-anaknya.

Segala sifat yang ada padanya ini menjadikan kijang betina *mathal* dalam luahan puisi Arab Jahiliyah sehinggakan kijang betina menjadi sifat yang sentiasa mengiringi wanita yang menawan hati seseorang penyair. Ia juga membuat pemburu yang merindui mangsa buruan yang dikejanya, menggambarannya dengan penuh keindahan dan kecantikan dan penuh dengan kelembutan. (Lihat kembali puisi Imra' al-Qays).

Akan tetapi perkara yang bertentangan dalam hal ini ialah kelembutan yang menghiasi haiwan ini diiringi dengan kekerasan yang bersesuaian dengan keadaan di padang pasir. Ia menghidu angin jika tiada air. Ia juga memakan buah *hanzal* dan meminum air masin. Hal ini di samping apa yang diriwayatkan dalam buku-

¹ Abu: 'Aliyy, hlm.205

buku riwayat tentang tipu helah kijang yang berpunca daripada kepandaiannya dalam cara-cara melepaskan diri jika dikejar. Antara kepintarannya di dalam melepaskan dirinya daripada pemangsa, di peringkat permulaan dia tidak bersusah payah berlari dengan pantas bahkan dalam kelajuan yang biasa sahaja. Akan tetapi bila pemangsa sudah mendekatinya barulah dia memaksimumkan kelajuannya. Dengan demikian dia kadang kala dapat melepaskan dirinya daripada pemangsa.¹

Apa yang menarik perhatian tentang kijang ini dari cerita tentangnya ialah *mathal* dan penerangannya mengenai haiwan ini bersifat saling bertentangan yang berpunca daripada bentuk faedah secara fizikal yang menunjukkan kepada kehidupannya dan cara mendapat manfaat tanpa tersekat walaupun dengan menunjukkan kepada bentuk keanggunan seperti yang digambarkan oleh para penyair. Contohnya seperti:

أَمِنُ مِنْ ظَنِّي الْحَرَمِ²

Maksudnya: “Lebih selamat daripada kijang dalam Tanah Haram (Mekah)”.

Mathal ini berpunca daripada gambaran keadaan yang betul-betul aman. Dimana ia tidak diganggu sekiranya berada di Tanah Haram. Ini seperti kata-kata Na:bighat:

¹Abu: ‘Aliyy, hlm. 206, lihat juga: *Niha:yaṭ al-Irab*, jld.9, hlm.332.

²al-Mayda:niyy, jld.1 , hlm.150.

Maksudnya: “Hai orang yang beriman, janganlah kamu melanggar syi'ar Allah, dan jangan melanggar kehormatan bulan-bulan haram, jangan (mengganggu) binatang had-ya, dan binatang qalaa-id, dan jangan (pula) mengganggu orang yang mengunjungi Baitullah sedang mereka mencari kurnia (keuntungan yang diberikan Allah dalam perniagaan. keredhaan dari Allah ialah: pahala amalan haji.) dan keredhaan dari Tuhannya dan apabila kamu telah menyelesaikan ibadah haji, maka bolehlah kamu berburu. dan janganlah sekali-kali kebencian(mu) kepada sesuatu kaum. Hal ini kerana mereka menghalang kamu dari Masjidilharam, mendorongmu berbuat aniaya (kepada mereka). Dan tolong-menolonglah kamu dalam (mengerjakan) kebajikan dan taqwa, dan jangan tolong-menolong dalam berbuat dosa dan pelanggaran. dan bertakwalah kamu kepada Allah, Sesungguhnya Allah amat berat siksa-Nya.”

Dalam ayat yang bermaksud “dan apabila kamu telah selesai di dalam melakukan ibadah haji, maka bolehlah kamu memburu”. Walau bagaimanapun aktiviti pemburuan di dalam Tanah Haram tetap diharamkan sepanjang masa tanpa ada tempohnya. Justeru segala binatang buruan yang berada di dalam Tanah Haram sentiasa berada dalam keadaan aman.

Mathal di atas digunakan untuk menggambarkan tentang keamanan yang dirasai dan dinikmati oleh seseorang tanpa adanya sesuatu yang boleh mengganggu-gugat serta mengancam keamanan dan ketenteramannya.

Seterusnya *mathal* di bawah ini turut dipengaruhi oleh perilaku kijang sepertimana yang dapat diperhatikan:

أَنُّوْمٌ مِّنْ غَزَالٍ¹

Maksudnya: “Lebih nyenyak tidur daripada kijang”. Antara penerangannya ialah sekiranya si anak menyusu dan berasa kenyang, maka ia akan tidur dengan nyenyaknya.

Mathal di atas digunakan untuk menggambarkan keamanan dan kesejahteraan dinikmati oleh seseorang setelah segala keperluan hidupnya dapat dipenuhi. Dalam kelekaan terhadap nikmat yang sedang dikecapi biasanya seseorang itu akan terlupa terhadap segala kemungkinan keburukan atau mala petaka akan menimpa mereka.

Dalam konteks *mathal* di atas didapati si anak telah tertidur kekenyangan tanpa meletakkan di dalam perhitungannya bahawa disana terdapat bahaya dari kalangan pemburu dan juga binatang-binatang pemangsa lain yang sedang mengintipnya.

¹al-Mayda:niyy, jld. 3, hlm. 441.

Seterusnya *mathal* di bawah ini dipengaruhi oleh gelagat kijang, ketika bermandikan cahaya bulan.

أَغْرَّ مِنْ ظَنِّي مُشْمِرٌ¹

Maksudnya: “Lebih terang daripada kijang yang bermain di bawah cahaya bulan”.

Dalam penerangannya, bahawa kijang yang baru tumbuh tanduknya terpesona dengan bulan mengambang maka ia tidak berjaga-jaga sehingga dimakan oleh singa. Ada yang mengatakan bahawa memburu kijang tatkala itu, lebih cepat dan lebih berkesan daripada memburu pada malam gelap gelita kerana kijang tidak dapat melihat, sedangkan dia dapat dilihat dengan baik ketika bulan terang².

Mathal di atas digunakan untuk menggambarkan keterujaan seseorang terhadap sesuatu yang cantik, indah dan sebagainya sehinggakan menyebabkan beliau leka dan lalai. Dalam kelekaan terhadap nikmat yang sedang dikecapi biasanya seseorang itu akan terlupa terhadap segala kemungkinan keburukan atau malapetaka akan menimpa mereka. Seterusnya keterujaannya itu akan menjerumuskannya ke dalam kehancuran.

¹al-Mayda:niyy, jld. 2, hlm.427.

² Ibid, jld. 2, hlm.427.

Walaupun kijang terdapat dengan banyaknya, namun ia tetap dianggap sesuatu yang bertaraf tinggi berbanding dengan binatang-binatang ternakan. Ini seperti yang terungkap di dalam *mathal*:

أَفْرَعٌ بِالظَّبْيِ وَفِي الْمِعْزَى دَثْرٌ¹

Maksudnya: “Menyembelih kijang sedangkan kambing banyak sekali”. Dalam penerangannya dikatakan *afra‘a* jika disembelih *al-far‘* iaitu anak unta yang pertama yang dikorbankan untuk tuhan-tuhan mereka untuk mendapat berkat. Dan huruf *ba* pada *bi al-zabi* adalah tambahan. Maka jadinya menyembelih kijang padahal kambing banyak, yang bermaksud banyak terdapat kambing tetapi menyembelih kijang. *Mathal* ini adalah untuk sesiapa yang mempunyai ramai adik-beradik atau sahabat handai tetapi meminta bantuan dari orang lain.²

Dalam *mathal* di atas secara tersiratnya terkandung pengakuan terhadap susahnyanya untuk mendapatkan daging kijang dari aktiviti perburuan yang dilakukan itu. Di sini ia juga menunjukkan kepada mutu daging kijang yang dihasilkan daripada aktiviti perburuan itu jauh lebih tinggi dengan mutu daging kambing yang ditenak. Ini bersesuaian dengan pertafsiran yang dibuat oleh Abdul Rahman Basha terhadap ungkapan كَرِيمُ الْمَاكِلِ merujuk kepada binatang buruan.

¹al-Mayda:niyy, jld.2, hlm.457.

²Ibid, jld.2, hlm.457

Dari segi perangnya pula kijang didapati mudah serik dengan sesuatu tragedi yang menimpanya. *Mathal* ini mengandungi perkara tersebut:

تَرَكَ الظَّيِّ ظِلَّهُ¹

Maksudnya: “Kijang itu meninggalkan bayangnya”.

Dalam penerangannya, bayang-bayang di sini bermaksud tempat berteduh ketika panas terik. Apabila datang pemangsa, lalu membuat ia terkejut dan cabut lari, dia tidak kembali lagi ke tempat itu.² *Mathal* ini digunakan untuk menyatakan keserikan seseorang terhadap apa yang dialaminya.

Semua *mathal* ini menunjukkan bagaimana orang Arab Jahiliyah mengambil faedah dari tamadun mereka dalam hal-hal kepercayaan, persekitaran dan kemasyarakatan serta menjadikannya sesuatu yang berfaedah. Ada kemungkinan bahawa hubungan antara dua *mathal*, iaitu yang pertama dan yang kelima, ialah keadaan aman yang dimiliki oleh kijang di Tanah Haram yang menyebabkan orang Arab Jahiliyah membolehkan ia disembelih untuk berhala di situ.

Manakala hubungan antara kedua-dua *mathal* tadi dari segi kepercayaan kepada keesaan Allah dan kemanfaatan dalam pegangan orang Arab Jahiliyah, boleh disimpulkan bahawa menyembelih kijang ialah peningkatan dari maksud dalam

¹Ibid, jld. 1, hlm.213

²al-Mayda:niyy, jld.1, hlm.213.

penyembelihan. Ini seperti yang terjadi ke atas Nabi Ismail (a.s.) anak kepada Nabi Ibrahim Al-Khalil (a.s) dimana beliau telah ditebus daripada disembelih.

Untuk menjadikannya bersesuaian dengan gambaran ini, perlu kita melihat kepada cara orang Arab Jahiliyah menggunakan kepercayaan untuk kepentingannya. Selama dia boleh berbuat demikian. Atau sehingga berjaya memenuhi keperluan pada kepercayaan dan kepentingan secara serentak..

Ini dapat dilihat dengan penyembelihan kijang menggantikan kambing atau kambing biri-biri. Adapun pemilihan kijang antara haiwan liar yang lain mungkin bersangkutan dengan kepercayaan bahawa ia menjadi antara tunggangan makhluk halus yang amat diminati, hingga meninggalkan kesan pada belakang badannya dan melorengkan telinganya. Bahkan pemilihan ini membawa kepada pandangan bahawa haiwan ini sebagai perantara dengan berhala sebagaimana berhala perantara dengan Allah¹.

Mathal yang keempat menunjukkan contoh benar dalam pengambilan faedah. Ini bermakna orang Jahiliyah menggunakan pengetahuan mengenai tempat-tempat sekelilingnya, gembalaannya dan menyamakannya dengan tabiat haiwan dalam cara bagaimana memburu haiwan ini. Si pemburu akan membuat persiapan yang sesuai untuk memburu kijang *al-Halab* kerana haiwan ini amat pantas. Manakala

¹ Abu: 'Aliyy, hlm.209. Lihat juga: al-Ja:hiz, al-Hayawa:n, jld.6, hlm.537.

dia begitu mudah menangkap kijang *al-Himdh* kerana tidak sepanas *al-Halab*. Begitu juga, walaupun ia menunjukkan pada banyak perkara pada *mathal* yang keenam, sifat berhati-hati si kijang menjadikan juga si pemburu berhati-hati dan mengawasinya dengan teliti sehingga pada akhirnya dapat menangkapnya.

5.1.3 Lembu Liar

Lembu liar merupakan salah satu buruan yang digemari oleh orang Arab Jahiliyah. ia tidak kurang pentingnya berbanding dengan kijang. Namun dari segi penempatannya dalam puisi Arab ia mempunyai kedudukan yang berbeza dari kijang. Keadaan ini adalah hasil daripada ketelitian orang Arab dalam pemerhatiannya terhadap fizikal lembu berbanding dengan kijang.

Dari segi penerimaan global pun terdapat perbezaan yang ketara dari segi pemakaian dan penerimaan terhadap perkataan lembu. Terutama sekali pemakaiannya dalam bahasa kiasan. Dari dua contoh yang diberikan ini pembaca tentunya dapat membezakan sendiri tentang apa yang tersirat dalam kedua-duanya. Pertama: Susuk badanmu bagaikan seekor kijang. Dan yang kedua: Susuk badanmu bagaikan seekor lembu. Sekiranya pembaca tidak dapat membezakan sendiri antara kedua-dua ayat tersebut, silalah tujukan ungkapan tersebut kepada seseorang yang anda kasihi dan lihatlah sendiri kesannya.

Manakala keistemewaan yang ada pada lembu sama ada lembu liar ataupun lembu ternakan adalah mempunyai daging yang banyak, kerana saiz badannya besar, kedua-dua matanya besar cantik dan bersinar, lembu betina pula tidak mengabaikan anaknya serta mempunyai kesetiaan kepada lembu jantan dan ianya boleh dijinakkan dan dijadikan binatang ternakan.

Selain dari itu orang Arab Jahiliyah juga turut menjadikan lembu liar sebagai salah satu jenis binatang korban yang kononnya perbuatan mereka itu boleh mendekatkan mereka kepada berhala-berhala mereka yang mereka anggap sebagai tuhan itu.

Mathal-mathal yang diriwayatkan kepada kita menggambarkan keadaan haiwan ini pada masa itu. Dalam *mathal*:

رُبَّ رَمِيَّةٍ مِنْ غَيْرِ رَامٍ¹

Maksudnya: “Kadang kala sesuatu panahan (tepat sasaran) itu datangnya daripada seorang yang bukan pemanah (handal)”.

Dalam menerangkan hubungan lembu dengan pegangan orang Arab Jahiliyah, ini seperti cerita oleh pengungkap *mathal* ini iaitu al-Hakam bin ‘Abd Yaghuth al-

¹al-Mayda:niyy, jld.2, hlm.44.

Manqariyy. Beliau merupakan orang yang paling cekap memanah di kalangan orang sezamannya. Maka beliau telah pergi ke sebuah lubang di bawah berhala *La:ta* untuk menyembelih (melakukan korban) seekor lembu. Beliau pun membawa busur dan anak panahnya. Akan tetapi dia tidak dapat memburu apa-apa pun pada hari itu. Beliau pulang dalam keadaan kecewa dan sedih. Seterusnya dia pun tidur pada malam itu dalam keadaan demikian. Kemudian beliau bertemu dengan keluarganya seraya berkata: Apa yang kamu akan lakukan sekiranya aku bunuh diriku akibat kecewa kerana tidak dapat menyembelih lembu korban itu pada hari ini?. Maka saudaranya al-Husayn bin ‘Abd Yaghuth: “Wahai Saudaraku, sembelihlah sebagai gantinya sepuluh ekor unta dan janganlah kamu bunuh diri. Beliau berkata: “Tidak, Demi *al-La:ta* dan *al-‘Uzzaa* aku tidak akan menzalimi sembelihan berhala dan melepaskan haiwan yang diburu.” Pada keesokan harinya beliau telah keluar untuk memburu bersama anaknya. Pada masa itu lalulah di depan mereka beberapa ekor lembu. Dengan tidak membuang masa anaknya terus memanah haiwan itu dan kena tepat pada sasarannya.¹

Kita tidak pasti sama ada kesungguhan al-Hakam untuk menyembelih dan bukan selainnya suatu perkara untuk membuktikan keupayaan diri ataupun sesuatu perkara yang berkaitan dengan mistik sejak dahulu kala. Ini menjadikan haiwan

¹al-Mayda:niyy, jld.2, hlm. 44-45 .

ini, fungsi sesuatu kepercayaan yang ada kaitan dengan masyarakat purba kala dalam manifestasi mengagungkan dan menyembah lembu dan oriks ini.¹

Sehubungan dengan itu terdapat *mathal* lain berbunyi:

كَالثَّوْرِ يُضْرَبُ لَمَّا عَافَتِ الْبَقْرُ²

Maksudnya: “Seperti lembu jantan, ia akan dipukul setelah si lembu betina enggan (minum)”.

Mathal ini berkaitan dengan lembu ternakan. Mengikut amalan penternak Arab mereka akan memukul lembu jantan apabila lembu-lembunya enggan memasuki kawasan tempat minum. Bila lembu jantan memasukinya lembu-lembu lain akan mengikutinya.³

Mathal ini digunakan untuk menunjukkan di mana seseorang itu akan dihukum disebabkan oleh kesalahan yang dilakukan oleh orang lain.

Terdapat beberapa *mathal* lain yang mempunyai kaitan dengan lembu dan binatang-binatang bertanduk yang lain:

¹ Abu: ‘Aliyy, hlm.210

² al-Mayda:niyy, jld.3, hlm. 23 .

³ al-Mayda:niyy, jld.3 , hlm.23.

1
إِنْ كُنْتَ مُنَاطِحًا فَنَاطِحِ بَدَوَاتِ الْقُرُونِ

Maksudnya: “Sekiranya kamu (ingin) menanduk, tanduklah (lawan) yang bertanduk”

Dalam konteks perburuan, *mathal* di atas menggesa mereka yang ingin memburu supaya memburu binatang yang kuat yang mampu melindungi dirinya. Dan bukannya memburu binatang yang lemah, sakit, tercedra dan sebagainya.

Bagi penulis apa yang dilakukan oleh orang Arab Jahiliyah itu merupakan nilai yang murni. Walau bagaimanapun tidaklah dapat dipastikan disebalik pengamalan nilai ini. Apakah pengamalannya itu bertujuan untuk mempertahankan nilai murni itu ataupun ia semata-mata untuk mengelakkan rasa tidak puas hati apabila kemenangan itu diperolehi daripada musuh yang lemah.

Satu *mathal* lain berbunyi:

2
الْكِلَابِ عَلَى الْبَقَرِ

Maksudnya: “(lepaskan) Anjing-anjing ke atas lembu” iaitu biarkan anjing-anjing itu menyerang lembu. Tahulah dia menguruskannya.

¹ Ibid, jld. 1, hlm. 104.

²al-Mayda:niyy, jld. 3, hlm. 22

Ini digunakan untuk membiarkan seseorang itu dengan urusannya dengan tidak mencampuri urusannya, kerana dialah yang lebih tahu apa yang perlu dibuatnya.

5.1.4 Keldai Liar

Dalam pemikiran masyarakat Jahiliyah terdapat persamaan yang ketara di antara lembu liar dengan keldai liar sehingga tidak menampakkan perbezaan yang besar di antara kedua-duanya kecuali pada butiran yang kecil.

Antara namanya ialah *al-Fara:*, dan *al-‘E:r*. Manakala yang betina dipanggil *al-Ata:n*. Anaknya pula dipanggil *al-Jahsh* sehingga tamat tempoh penyusuan.¹

Terdapat beberapa *mathal* yang dikaitkan dengan binatang ini yang secara tidak langsung memberikan gambaran dan pemerian tentang hal keadaan haiwan ini serta hubungannya dengan aktiviti perburuan yang dijalankan oleh orang-orang Arab Jahiliyah yang tinggal di padang pasir Semenanjung Arab. *Mathal* yang pertama berbunyi:

أَخْلَى مِنْ جَوْفِ حِمَارٍ²

Maksudnya: “Lebih kosong daripada perut keldai”

¹Abu: ‘Aliyy, hlm.212.

²al-Mayda:niyy, jld.1, hlm. 453.

Binatang ini sekiranya diburu, isi perutnya tidak diambil bahkan dibuang sahaja. Apabila isi perutnya dibuang ia akan menampakkan kekosongan yang amat ketara sekali. Dan ia digambarkan sebagai sesuatu yang tidak memberi manfaat kepada sesiapa pun sama ada manusia atau haiwan.

Manakala *mathal* kedua:

أَكْفَرُ مِنْ حِمَارٍ¹

Maksudnya: “Lebih kufur daripada Hima:r (keldai)”.

Sebenarnya *mathal* tidak ada kena mengena dengan aktiviti perburuan orang-orang Arab Jahiliyah. Oleh sebab perkataan “Hima:r” dalam *mathal* di atas merujuk kepada seorang lelaki yang bernama Hima:r. Akan tetapi apa yang menarik perhatian ramai ialah apabila seseorang itu menggunakan nama binatang itu sebagai namanya maka ia akan memberikan gambaran dalam minda bahawa sifatnya adalah bersesuaian dengan namanya. Atas keadaan seumpama inilah Islam tidak menggalakan seseorang itu menamakan anaknya dengan nama-nama yang buruk dan negatif.

Mathal di atas digunakan untuk menggambarkan kebodohan dan ketololan seseorang yang mengambil sesuatu tindakan yang bertentangan dengan sesuatu yang logik.

¹al-Mayda:niyy, jld.3, hlm. 69.

Satu lagi *mathal* yang dikaitkan dengan keldai liar berbunyi:

كُلُّ الصَّيْدِ فِي جَوْفِ الْفَرَا¹

Maksudnya: “Kesemua binatang buruan itu berada di dalam perut keldai liar ini”,

Mengikut cerita *mathal* bahawa ada tiga orang Arab keluar untuk berburu. Salah seorang daripada mereka mendapat arnab. Seorang lagi mendapat kijang dan yang ketiga mendapat keldai liar. Kedua-dua orang yang telah mendapat arnab dan kijang saling mengucapkan tahniah sesama sendiri terhadap habuan yang mereka peroleh. Mereka juga mengejek yang mendapat keldai. Maka berkata yang mendapat keldai كُلُّ الصَّيْدِ فِي جَوْفِ الْفَرَا. Maksudnya: “Semua perburuan berada dalam perut keldai liar”, yang bermaksud segala yang kamu peroleh dari rezeki dan habuan tidaklah seberapa berbanding dengan yang mendapat keldai liar.

Akan tetapi sekiranya dikaitkan dengan *mathal* yang pertama tadi, ianya akan memberikan makna yang berbeza. Iaitu Apa yang kamu hasilkan itu adalah sesuatu yang tidak berguna dan tidak memberi sebarang manfaat kepada manusia.

¹Ibid, jld.3, hlm.11.

Berkaitan dengan *mathal* ini Nabi Muhammad SAW telah mengungkapkannya kepada Abu: Sufya:n untuk melembutkan hatinya kepada Islam. *Mathal* ini dikatakan pada sesiapa yang melebihi lawan ataupun saingannya.¹

Mathal ini juga menggambarkan bahawa sebahagian orang Arab tidak mengambil apa-apa faedah dari perut keldai liar. Manakala sebahagian yang lain pula melihat apa yang ada di dalam perut keldai ini, sebagai sesuatu yang baik hasil daripada aktiviti perburuan.

Walau apa pun pentafsiran terhadap ungkapan di atas, yang jelasnya penggunaannya adalah untuk menyatakan rasa kagum terhadap apa yang dimiliki apabila dibandingkan dengan apa yang orang lain peroleh.

Selain daripada perkataan keldai, anak keldai juga turut mempengaruhi pengungkapan *mathal*. *Mathalnya* berbunyi:

الْجَحْشَ لَمَّا فَانَكَ الْأَعْيَارُ²

Maksudnya: “(Cari) Anak keldai jika kamu terlepas keldai-keldai (dewasa) liar”.

Penerangannya mengisahkan seseorang yang berpuas hati dengan sebahagian daripada keperluannya sahaja tanpa keperluannya yang lain. *al-Jahash* yang

¹al-Mayda:niyy, jld.3, hlm.12 .

²al-Mayda:niyy, jld.1, hlm. 293 .

dibaca dengan baris di atas dikaitkan dengan kata kerja yang tidak diungkap, maka maksudnya ialah: “Carilah anak keldai”. Ini berdasarkan kepada konteks *mathal* ini serta penerangannya. Di sini dapat dibuat kesimpulan maksud *mathal* ini ialah: “Berpuas hatilah dengan apa yang ada tanpa yang lain seperti seorang pemburu berpuas hati dengan *al-jahsh*, iaitu anak keldai jika keldai telah berlalu”, ataupun bolos dari tangkapan¹

5.1.5 Biawak (*Waral*)

Haiwan ini seperti dab. Ia tidak mempunyai banyak perbezaan dengan biawak biasa. Pergerakannya pantas dan laju. Dengan demikian ia susah untuk ditemui dan susah untuk diburu. Ia amat cepat menghilangkan diri sekiranya mengetahui kehadiran manusia atau mendengar pergerakan tapak kaki mereka. Dengan sebab itu haiwan ini dijadikan *mathal* dalam perkara yang berkaitan dengan kelajuan, ini seperti yang berbunyi:

أسرع من ورل الحضيض / أشرد من ورل / أحيير من ورل / أضل من ورل²

Maksudnya: “Lebih cepat daripada biawak yang tinggal di bawah tanah” dan “lebih hairan daripada biawak” dan “lebih sesat daripada biawak”.

Kesemua sifat yang dikaitkan dengan binatang ini berkaitan dengan pergerakannya yang pantas dan dapat menghilangkan diri dengan cepat.

¹Abu: ‘Aliyy, hlm.213

²al-Mayda:niyy, jld.2, hlm.135.

Bersesuaian dengan sifat binatang ini *mathal* ini digunakan untuk menggambarkan tingkah laku seseorang yang boleh dikaitkan dengan kecepatan dan kepantasan. Walau bagaimanapun penggunaannya lebih kepada kecepatan dalam melakukan perkara-perkara yang negatif bersesuaian dengan ciri-ciri kekejian yang ada padanya.

Manakala dari segi hukumnya , binatang ini haram dimakan. Ini sepertimana firman Allah SWT dalam surat al-A`ra:f:



Maksudnya:. “dan menghalalkan bagi mereka segala yang baik dan mengharamkan bagi mereka segala yang buruk.

Para ulama menggolongkan binatang ini dalam golongan binatang keji kerana sifat kejinya seperti memakan bangkai dan memburu binatang-binatang kecil lain untuk dimakan seperti tikus, katak dan sebagainya.

5.1.6 Landak (*Duldul*)

Ini adalah panggilan bagi landak yang besar. Perbezaan antara *qunfuz* dengan *duldul* adalah seperti perbezaan antara tikus dan mondok. Landak jenis ini sama

¹ al-A`ra:f, 7:157.

dengan apa yang dikenali pada hari ini, iaitu seperti yang terdapat di Malaysia.

Mathal yang paling tersebar mengenai haiwan ini ialah:

أَسْمَعُ مِنْ دُلْدُلٍ¹

Maksudnya: “Lebih kuat pendengaran daripada landak”.

Pengungkapannya adalah untuk menggambarkan seseorang yang kuat pendengarannya. Kadang kala ia juga digunakan untuk seseorang yang culas dan cepat menghilangkan diri apabila ia diperlukan oleh orang lain.

Binatang ini menjadi perhatian orang Arab kerana daging yang sedap dan lazat, namun ianya bukanlah jenis binatang yang mudah diburu.

5.1.7 Landak (*qunfudz*)

Landak jenis ini mempunyai saiz badan yang kecil sahaja. Rata-rata landak dewasa hanya mempunyai saiz lebih besar sedikit daripada penumbuk orang dewasa dengan berat sekitar satu kilogram. Berwarna gelap dan akan bergulung menyembunyikan kepalanya seperti tenggiling apabila berhadapan dengan ancaman. *Mathal* yang paling tersebar mengenai haiwan juga berkaitan dengan pendengaran, ia berbunyi:

¹al-Mayda:niyy, jld. 2, hlm. 146.

¹أسمع من قنفذ

Maksudnya: “Lebih kuat pendengaran daripada landak”. Pendengarannya merupakan perisai utama haiwan ini untuk mengelak dan melepaskan diri daripada para pemburu.

Haiwan-haiwan ini merupakan haiwan buruan yang utama pada zaman Arab Jahiliyah. Hal ini kerana ia merupakan habuan kepada keperluan makanan mereka dan juga pelengkap kepada riadah dan rekreasi mereka. Mereka mencarinya tanpa rasa jemu kerana haiwan ini merupakan antara rahsia kekuatan dan kelangsungan hidup mereka.

Adapun haiwan-haiwan darat yang lain hanya menduduki tempat yang kedua. Ini disebabkan tujuan utama dalam memburu haiwan ini bukan untuk mengambil manfaat darinya tetapi untuk menjauhkan kemudaratannya. Apatah lagi perburuan terhadap haiwan-haiwan ini kadang kala secara tidak dirancang dan tidak sengaja . Seperti juga halnya dengan arnab yang agak tersendiri dalam konteks ini kerana ia jarang menjadi sasaran dalam perburuan, tidak seperti haiwan-haiwan lain seperti yang telah disebutkan.

Antara haiwan buruan yang terkenal dalam golongan kedua ialah singa, harimau bintang, harimau, babi hutan, dubuk, serigala, beruang, musang, arnab dan ular.

¹al-Mayda:niyy, jld.2, hlm. 146

Berikut ini dikemukakan *mathal-mathal* yang berkaitan dengan binatang-binatang yang disebutkan di atas:

5.1.8 Singa

Haiwan ini menjadi perhatian sejangat semenjak dulu kala lagi sampai ke hari ini. Hal ini adalah disebabkan oleh keistimewaan yang dimiliki oleh haiwan ini sama ada dari segi fizikalnya ataupun kekuatannya. Keserlahan sifat yang dimilikinya menyebabkan ia digelar dengan “raja rimba”. Dari keadaan inilah banyak pengungkapan *mathal* dibuat dan dikaitkan dengan binatang ini. Berikut ini beberapa *mathal* yang berkaitan:

Mathal 1:

كُمُبْتَعِي الصَّيِّدِ فِي عَرِيْسَةِ الْأَسَدِ¹

Maksudnya: “Seperti memburu di tempat (kediaman/ kandang) singa”.

Mathal ini digunakan untuk menunjukkan kepada usaha yang sia-sia yang sukar dicapai. Hal ini adalah kerana kebanyakan binatang akan menjauhkan diri daripada mana-mana tempat yang didiami singa. Selain daripada itu usaha

¹al-Mayda:niyy, jld. 3, hlm. 48 . Lihat juga: al-Ra:ziyy, hlm.155.

seseorang pemburu yang memburu di kawasan tersebut besar kemungkinan mengundang bahaya dan membawa padah hasil daripada serangan singa tersebut.

Penggunaannya: Memberi peringatan kepada orang yang melakukan kerja yang sia-sia dan membahayakan.

Mathal 2:

هَذَا الشَّبَلُ مِنْ ذَاكَ الْأَسَدِ¹

Maksudnya: “Singa muda ini adalah anak kepada singa itu.

Seorang bapa yang mulia, akan menjadi ikutan kepada anaknya. Meneladani segala sifat dan akhlak terpujinya. Keadaan ini samalah seperti anak singa mewarisi sifat keberanian bapanya.

Penggunaannya: Menunjukkan kepada sesuatu yang baik yang merupakan warisan daripada yang sebelumnya. Juga untuk memuji bapa atas kejayaannya dalam mendidik anak-anaknya dengan pekerti yang baik sama seperti yang dimilikinya.

Mathal 3:

اللَيْثُ يَأْنَفُ عَنْ جَوَابِ الثَّعْلَبِ²

Maksudnya: “Singa jantan enggan menjawab pertanyaan musang”

¹Si:niyy et al, hlm.83.

²Ibid, hlm.88.

Dalam mengharungi kehidupan, seseorang itu hendaklah sentiasa kuat seperti singa dan bukannya lemah seperti musang. Oleh sebab singa selalunya tidak melayan sebarang pertanyaan atau permintaan si musang. Hal ini adalah kerana musang binatang yang lemah jika dibandingkan dengan singa.

Penggunaannya: Memberi gambaran tentang pihak yang kuat selalunya enggan melayan kehendak pihak yang lemah.

Mathal 4:

أَسَدٌ عَلَيَّ وَفِي الْحُرُوبِ نَعَامَةٌ¹

Maksudnya: “Singa di atasku sedangkan dalam peperangan burung unta”

Ini menggambarkan tentang sikap seseorang yang suka menonjolkan sifat keberaniannya kalangan ahli keluarga dan sababat handai sahaja. Akan tetapi apabila ia berhadapan dengan sesuatu yang memerlukan keberanian seperti peperangan ia tidak lagi menunjukkan keberaniannya. Ini kerana beliau adalah seorang yang pengecut dan penakut. Orang yang pengecut dan penakut diumpamakan seperti burung unta atau burung kasuari. Burung jenis ini akan rasa takut dan kecut apabila mendengar sesuatu bunyi atau suara yang kuat.

Penggunaannya: Memperkecil orang-orang yang pengecut.

¹Si:niyy et al, hlm.93. Lihat juga: al-Ra:ziyy, hlm.153.

Mathal 5:

مَنْ جَاوَرَ الْأَسَدَ لَمْ يَأْمَنْ بِوَائِقِهَا¹

Maksudnya: “Sesiapa yang mendekati atau berjiran dengan singa, dia tidak akan terlepas daripada mala petakanya.

Sesiapa yang tinggal berdekatan atau berjiran dengan singa, selama-lamanya dia tidak akan mendapat ketenangan dan ketenteraman dan tidak akan terjamin keselamatannya. Lambat laun ia akan menerima juga padahnya. Kerana ketenangan, ketenteraman dan keselamatan bukan sesuatu yang diambil kira oleh singa.

Penggunaannya: Peringatan ke arah memilih jiran atau kawan yang baik yang sentiasa memikirkan kebaikan untuk dirinya dan juga untuk orang-orang yang berada di sekitarnya.

5.1.9 Harimau bintang

Harimau bintang adalah merupakan salah satu daripada binatang buas yang terdapat di bumi Arab semenjak dulu kala lagi. Ia merupakan binatang pemangsa kepada binatang-binatang lain. Kadang kala menjadi ancaman kepada binatang

¹Si:niyy et al, hlm.103.

ternakan. Dengan demikian binatang ini turut menjadi perhatian orang Arab dan seterusnya membawa kepada pengungkapan beberapa *mathal*.

Mathal 1:

أَثْقَلُ رَأْسًا مِنَ الْفَهْدِ¹

Maksudnya: “Lebih berat daripada kepala harimau bintang”

Antara perangai dan gelagat harimau bintang ialah tidur dan berehat pada siang hari. Ketika tidur menampakkan seolah-olah kepalanya berat lantaran ia diletakkan di atas dahan kayu.

Penggunaannya: Mengutuk orang malas bekerja dan banyak tidur.

Mathal 2:

أَنْوُمٌ مِنَ الْفَهْدِ²

Maksudnya: “Lebih kuat tidur daripada harimau bintang.

Penggunaannya: Mengutuk orang malas bekerja dan banyak tidur

Mathal 3:

¹al-Mayda:niyy, jld.1, hlm.279.

²Ibid, jld. 3, hlm.411.

أَوْثَبُ مِنَ الْفَهْدِ¹

Maksudnya: “ Lebih kuat lompatan daripada harimau bintang

Penggunaannya: Untuk menunjukkan kekuatan

5.1.10 Harimau Belang

Walaupun harimau belang tidak mendiami kawasan Semenanjung Arab khususnya kawasan padang pasir namun ia turut dikenali oleh orang Arab, apabila binatang ini telah dilihat di kawasan tertentu, terutama kawasan yang diliputi hutan yang terletak berdekatan dengan Tanah Arab. Oleh sebab itu ia turut mempengaruhi pengungkapan *mathal*.

Mathal 1:

سَمِّرْ وَائْتَرِزْ وَالْبَسْ جِلْدَ نَمِرٍ²

Maksudnya: “Bergeraklah segera dan bersiap sedia dengan pakaian, dan pakailah kulit harimau”.

Seseorang itu diminta supaya sentiasa bersiap sedia untuk menghadapi sesuatu urusan atau pekerjaan. Apabila dipanggil hendaklah disahut dengan cepat. Manakala maksud daripada *البس جلد نمر* ialah seseorang itu hendaklah

¹ Ibid, jld. 3, hlm.458.

²al-Mayda:niyy, jld.2, hlm.157.

membekalkan diri mereka dengan semangat waja demi kejayaan apa yang diperjuangkan.

Penggunaannya: Memberi peringatan supaya sentiasa bersiap sedia dan bersemangat dalam menghadapi sesuatu ataupun sebarang kemungkinan

Mathal 2:

لَبَّسْ لَهُ جِلْدَ التَّمْرِ¹

Maksudnya: “Pakaikanlah kepadanya kulit harimau”

Penggunaannya: Galakan supaya memberi semangat kepada orang lain supaya menjadi lebih bersemangat dalam perjuangan.

5.1.11 Babi hutan

Sama seperti harimau, walaupun tidak terdapat di Semenanjung Arab, orang-orang Arab turut mengenalinya dan seterusnya mempengaruhi pengungkapan *mathal*.

Mathal 1:

أَقْبَحُ مِنَ الْخَنْزِيرِ²

Maksudnya: “Lebih buruk daripada babi” Digunakan untuk menyatakan keburukan dan mengutuk sesuatu yang buruk dan hodoh.

¹al-Mayda:niyy, jld.3, hlm. 92.

² Ibid, jld. 2, hlm.236.

Mathal 2:

كَرِهَتْ الْخَنَازِيرُ الْحَمِيمَ الْمَوْعَرَ¹

Maksudnya: “Babi-babi itu benci akan air rebusannya”

Mengikuti amalam orang Nasara, mereka akan merebus air sehingga mendidih kemudian mencampakkan babi ke dalam air tersebut hidup-hidup untuk menjadikan makanan mereka.²

Penggunaannya: Menyatakan kebencian yang amat sangat terhadap sesuatu yang memberikan kemudharatan kepada diri sendiri.

5.1.12 Dubuk

Binatang ini terdapat dengan banyaknya di Semenanjung Arab. Ia merupakan sejenis binatang buas yang agak pengecut berbanding dengan binatang-binatang buas yang lain dan ia mudah ditakutkan.

Walau bagaimanapun dalam keadaan tertentu dia tetap membahayakan dan menjadi ancaman kepada binatang-binatang ternakan. Binatang ini mempunyai keistimewaan dapat menghidu bau darah pada jarak yang agak jauh. Serangannya terhadap mangsa biasanya dilakukan secara berkumpulan. Makanan utamanya

¹ Ibid, jld. 3, hlm.26.

²al-Mayda:niyy, jld.3, hlm. 26.

ialah bangkai dan juga binatang lain serta ternakan yang mendapat kecederaan. Beberapa *mathal* telah terungkap berkaitan dengan binatang ini.

Mathal 1:

خَامِرِي أُمَّ عَامِر¹

Maksudnya: “Bersembunyilah wahai ummu ‘a:mir (dubuk).

Mengikut cerita, dalam memburu dubuk orang Arab Jahiliyah mempunyai beberapa cara. Kesemua cara ini dikaitkan dengan sifat bodoh binatang ini. Sekiranya seseorang pemburu ingin menangkapnya mereka menunggu sehingga binatang ini memasuki lubangnya, lalu mereka menutup lubang itu dengan batu, dengan tujuan untuk menghalang cahaya daripada memasuki lubang tersebut. Ketika itu pemburu mula mengungkapkan خَامِرِي ام عامر berulang kali seolah-olah membaca mentera. Disebabkan tidak tahan dengan kegelapan dubuk mula menghulurkan kaki depan untuk keluar daripada lubangnya itu. Pada masa itulah dengan pantas pemburu akan mengikat kakinya dan mengheretnya keluar dari lubangnya.²

¹al-‘Askariyy, jld.1, hlm. 416. Lihat juga: al-Mayda:niyy, jld.1, hlm. 422 .

²al-Mayda:niyy, jld.1, hlm. 422.

Penggunaannya: Gambaran bagi orang yang tertipu dengan kemanisan mulut orang lain.

Mathal 2:

كَمُجِيرِ أُمَّ عَامِرٍ¹

Maksudnya: “Seperti penyelamat dubuk”

Sesiapa sahaja yang melakukan kebaikan kepada seseorang yang tidak berhak ataupun tidak sepatutnya menerima kebaikan itu, orang yang memberi itu akan mendapat dan menerima daripada perbuatannya itu balasan yang sebaliknya. Ini seperti yang terdapat dalam satu cerita dimana seorang Arab Badawi menyelamatkan seekor dubuk dari menjadi mangsa kepada beberapa orang pemburu. Dubuk itu diberi makan dan minum tetapi akhirnya dubuk itu mengoyak dan mencederakan perutnya². *Mathal* ini ada persamaan dari segi maksudnya dengan peribahasa Melayu “Diberi bunga dibalas tuba” dan “Melepaskan anjing tersepit”

Penggunaannya: Untuk menyatakan bahawa kebaikan yang diberikan telah dibalas dengan kejahatan.

¹Ibid, jld.3, hlm.25.

²al-Mayda:niyy, jld.3, hlm.25.

Mathal 3:

أَحْمَقُ مِنَ الضَّبَعِ¹

Maksudnya: “Lebih bodoh daripada dubuk”

Antara kebetulan dubuk ialah tidak mampu menahan diri apabila terhidu darah. Apabila terhidu darah, binatang ini akan terus keluar daripada persembunyiannya tanpa menghiraukan keselamatan dirinya sehinggakan dia dapat diburu dan ditewaskan dengan mudah oleh para pemburu. Sehubungan dengan ini ‘Aliyy bin Abi: Talib (k.w.)telah berkata:

لَا أَكُونُ مِثْلَ الضَّبَعِ تَسْمَعُ الدَّمَ فَتَبْرُزُ طَمَعًا فِي الْحَيَّةِ حَتَّى تُصَادَ²

Maksudnya “Aku tak akan menjadi seperti dubuk, apabila terhidu darah keluarlah ia dari persembunyiannya untuk mendapatkan makanan, tetapi ia menjadi mangsa kepada pemburu.

Penggunaannya: Menunjukkan kepada kebodohan seseorang ketika ianya mementingkan habuan perutnya berbanding dengan keselamatan diri dan nyawanya.

Mathal 4:

¹Ibid, jld.1, hlm. 398.

²al-Mayda:niyy, jld.1, hlm.422.

أَفْسَدُ مِنَ الضَّبَعِ¹

Maksudnya: “Lebih merosakkan daripada dubuk”

Mengikut ceritanya, apabila serigala menyerang kambing, ia hanya akan menerkam dan membunuh mengikut keperluannya sahaja. Manakala dubuk akan membunuh banyak kambing melebihi daripada apa yang hendak dimakan.

Penggunaannya: Menyatakan keterlaluhan dalam melakukan kerosakan.

5.1.13 Serigala

Serigala merupakan ancaman yang paling besar terhadap ternakan kecil seperti kambing dan biri-biri. Bahkan ia turut menjadi ancaman kepada ternakan yang lebih besar dalam keadaan tertentu. Hal ini adalah kerana pada kebiasaannya binatang ini bergerak dalam kumpulan yang besar. *Mathal-mathal* berikut mengandungi pengaruh binatang ini.

Mathal 1:

مَنْ خَشِيَ الذِّئْبَ أَعَدَّ لَهُ كَلْبًا²

Maksudnya: “Sesiapa yang takut akan serigala disediakan anjing”.

Anjing yang dilatih dengan baik mampu menghalau serigala dan melindungi binatang ternakan.

¹Ibid, jld.2, hlm. 462.

²al-Mayda:niyy, Jld.3, hlm.339.

Mathal 2:

إِذَا ذَكَرْتَ الذِّئْبَ فَأَعِدْ لَهُ الْعَصَا¹

Maksudnya: “Sekiranya anda teringat akan serigala maka sediakanlah tongkat”

Penggunaannya: Kedua-dua *mathal* di atas menyatakan keperluan kepada persiapan yang sesuai dalam menghadapi sesuatu situasi.

Mathal 3:

أَجْوَعُ مِنْ ذِئْبٍ²

Maksudnya: “Lebih lapar daripada serigala”

Mengikut ceritanya antara singa dengan serigala, singa boleh menahan lapar untuk beberapa hari. Manakala serigala pula tidak mampu menahan lapar. Perutnya perlu beralas setiap masa. Kelaparannya tanpa makanan boleh membawa kematian.³

Penggunaannya: Menggambarkan seseorang yang selalu makan dan tidak mampu untuk menahan kelaparan. Penggunaannya juga kadang kala untuk orang yang suka menyerang orang lain dan diibaratkan sebagai serigala lapar.

Mathal 4:

¹Si:niyy et al, hlm.33.

²al-Mayda:niyy, jld.1, hlm.332

³Ibid, jld.1, hlm.332

الذئبُ خَالِيًا أَسَدًا¹

Maksudnya: “Serigala ketika bersendirian adalah singa”

Penggunaannya: Menyatakan yang seseorang itu akan mengumpulkan segala kekuatan ketika bersendirian.

5.1.14 Musang

Mathal yang berkaitan dengan binatang ini tidak banyak. Lagi pun kekuatan *mathal* yang berkaitan dengan binatang ini tidak begitu menonjol. Ini mungkin disebabkan oleh hubungan antara binatang ini dengan manusia amatlah sedikit.

Mathal 1:

أَعْجَزُ عَنِ الشَّيْءِ مِنَ الثَّعْلَبِ عَنِ الْعُنُقُودِ²

Maksudnya: “Lebih lemah daripada musang mendapatkan anggur.

Penggunaannya: Menggambarkan keadaan dan ketidakupayaan seseorang dan kelemahannya dalam melakukan sesuatu.

Mathal 2:

إِنَّمَا هُوَ ذئبُ الثَّعْلَبِ¹

¹Ibid, jld. 2, hlm.7

²al-Mayda:niyy, jld. 2, hlm.407.

Maksudnya: Itu sebenarnya dosa (kesalahan) musang”

Penggunaannya: Meletakkan kesalahan kepada pihak lain.

5.1.15 Arnab

Di bawah ini dipaparkan dua *mathal* yang dipengaruhi oleh binatang ini.

Mathal 1:

أَطْعِمِ أَخَاكَ مِنْ كَلْبِيَةِ الْأَرْنَبِ²

Maksudnya: “Jamulah saudaramu dengan buah pinggang arnab”

Penggunaannya: Menggalakkan ke arah menjamu kawan dengan sesuatu yang baik-baik.

Mathal 2:

أَقْطَفُ مِنْ أَرْنَبٍ³

Maksudnya: “Lebih kuat ragutan daripada arnab”

Penggunaannya: Menyatakan kuat makan.

5.1.16 Ular

¹Ibid, jld.1, hlm.43.

²al-Mayda:niyy , jld. 2, hlm.287.

³Ibid, jld. 2, hlm.536.

Ular sememangnya tardapat di mana-mana saja. Walau bagaimanapun ular yang mendiami bumi Arab pada keseluruhannya terdiri daripada ular berbisa. Berikut ini beberapa *mathal* yang berkaitan.

Mathal 1:

أَسْمَعُ مِنْ حَيَّةٍ¹

Maksudnya: “Lebih kuat pendengaran daripada ular

Penggunaannya: Menyatakan kekuatan dari segi pendengaran.

Mathal 2:

أَظْلَمُ مِنْ أَفْعَى²

Maksudnya:”Lebih zalim daripada ular.

Penggunaannya: Menyatakan tahap kezaliman yang dimiliki oleh seseorang.

الْحَاوِي لَا يَنْجُو مِنَ الْحَيَّاتِ³

Maksudnya: “Pemburu atau penangkap ular tidak akan selamat daripada patukan ular”.

Penggunaannya: Menyatakan bahawa seseorang yang berdamping dengan orang-orang yang jahat itu suatu masa akan merasai juga kejahatannya itu.

¹Ibid, jld. 2, hlm.146.

²al-Mayda:niyy, jld. 2, hlm.313.

³Si:niyy et al, hlm.140.

5.1.17 Unta

Unta merupakan binatang ternakan yang paling penting bagi orang Arab Jahiliyah. Di samping itu terdapat juga unta liar yang bebas berkeliaran. Unta juga merupakan pengangkutan penting yang sering kali digunakan oleh orang Arab untuk membawa barangan mereka dalam merentasi padang pasir yang gersang itu. Di sini dipaparkan beberapa *mathal* yang dikaitkan dengan binatang ini.

Mathal 1:

إِبِلِي لَمْ أَبِيعْ وَلَمْ أَهَبْ¹


Maksudnya: “Untaku, aku tidak menjualnya dan tidak menghibahnya (beri kepada orang lain secara percuma)”

Penggunaannya: Menyatakan sesuatu yang dimiliki dan yang disayangi itu tidak akan berpindah tangan kepada orang lain dengan apa cara sekalipun.

Mathal ini juga menggambarkan bahawa unta merupakan binatang yang paling dihargai oleh masyarakat Arab silam. Hal ini adalah kerana terlalu banyak manfaat yang dinikmati oleh masyarakat Arab pada masa itu. Unta dijadikan tunggangan dan pengangkutan untuk membawa bebanan yang berat dalam perjalanan yang jauh, dagingnya dijadikan makanan dan susunya dijadikan minuman.

¹al-Mayda:niyy, jld.1, hlm. 94.

Dari kedudukan inilah juga Allah SWT telah menggesa golongan yang tidak beriman supaya mengkaji dan memberi perhatian yang berat terhadap kejadian dan fizikal yang dimiliki oleh unta seperti dalam firman-Nya:



Maksudnya: Maka apakah mereka tidak memperhatikan unta bagaimana dia diciptakan.²

¹ al-Gha:shiyat, 88:17.

القرطبي: أفلا ينظرون إلى الإبل كيف خلقت قالت المفسرون: لما ذكر الله عز وجل أمر أهل الدارين، تعجب الكفار من ذلك فكذبوا وأنكروا، فذكرهم الله صنعته وقدرته، وأنه قادر على كل شيء، كما خلق الحيوانات والسماء والأرض. ثم ذكر الإبل أولاً، لأنها كثيرة في العرب، ولم يروا الفيلة، فنبههم جل ثناؤه على عظيم من خلقه، قد ذلله للصغير، يقوده وينبذ به وينهضه ويحمل عليه الثقل من الحمل وهو بارك، فينهض بثقل حمله، وليس ذلك في شيء من الحيوان غيره. فأراهم عظيماً من خلقه، مسخراً لصغير من خلقه، يدهم بذلك على توحيد عظيم وقدرته. وعن بعض الحكماء: أنه حدث عن البعير ويديع خلقه، وقد نشأ في بلاد لا إبل فيها، ففكر ثم قال: يوشك أن تكون طوال الأعناق. وحين أراد بما ان تكون سفائن البر، صبرها على احتمال العطش، حتى إن إظماءها ليرتفع إلى العشر فصاعداً، وجعلها ترعى كل شيء نابت في البراري والمفاوز، مما لا يريعه سائر البهائم. وقيل: لما ذكر السرر المرفوعة قالوا: كيف نصعدوها؟ فأنزل الله هذه الآية، وبين أن الإبل تبرك حتى يحمل عليها ثم تقوم، فكذلك تلك السرر تتطامن ثم ترتفع. قال معناه قتادة الثعلبي: وقيل في الإبل هنا: السحاب، ولم أجد لذلك أصلاً في كتب الأئمة. قلت قد ذكر الأصمعي أبو سعيد عبد الملك بن قريب، قال أبو عمرو: من قرأها (أفلا ينظرون إلى الإبل كيف خلقت) بالتخفيف: عني به البعير، لأنه من ذوات الأربع، يرك فتحمل عليه الحمولة، وغيره من ذوات الأربع لا يحمل عليه إلا وهو قائم. ومن قرأها بالثقل فقال (الإبل)، عني بها السحاب التي تحمل الماء والمطر. وقال الماوردي: وفي الإبل وجهان: أحدهما: وهو أظهرهما وأشهرهما: أنها الإبل من النعم. الثاني: أنها السحاب. فإن كان المراد بها السحاب، فلما فيها من الآيات الدالة على قدرته، والمنافع العامة لجميع خلقه. وإن كان المراد بها الإبل من النعم، فلأن الإبل أجمع للمنافع من سائر الحيوان، لأن ضرورية أربعة: حلوبة، وركوبة، وأكولة، وحمولة. والإبل تجمع هذه الخلال الأربع، فكانت النعمة بما أعم، وظهور القدرة فيها أتم. وقال الحسن: إنما خصها الله بالذكر لأنها تأكل النوى والقت، وتخرج اللبن. وسئل الحسن أيضاً عنها وقالوا: الفيل أعظم في الأعجوبة: فقال: العرب بعيدة العهد بالفيل، ثم هو خنزير لا يؤكل لحمه، ولا يركب ظهره، ولا يجلب دره.

Mathal 2:

ضَرْبُهُ ضَرْبَ غَرَائِبِ الْإِبِلِ¹

Maksudnya: “Dia telah memukulnya bagaikan memukul unta asing”

Unta asing yang tidak dimiliki oleh peternak biasa akan mengganggu unta yang dimiliki oleh seseorang peternak ketika berada di sisi air. Jadi untuk mengelak daripada gangguan tersebut biasanya peternak akan memukul dan menghalaunya dengan tujuan untuk memberikan keselesaan kepada unta miliknya.

Penggunaannya: Untuk menyatakan penolakan terhadap unsur luar yang mengganggu ketenteraman orang dan masyarakat setempat.

Mathal 3:

عِنْدَ رُؤُوسِ الْإِبِلِ أَرْبَابُهَا²

Maksudnya:”Setiap ekor unta ada tuannya.”

وكان شريح يقول: اخرجوا بنا إلى الكناسة حتى ننظر إلى الإبل كيف خلقت. والإبل: لا واحد لها من لفظها، وهي مؤنثة، لأن أسماء الجموع التي لا واحد لها من لفظها، إذا كانت لغير الآدميين، فالتأنيث لها لازم، وإذا صغرتم دخلتها الهاء، فقلت: أبيلة وغنيمة، ونحو ذلك. وربما قالوا للإبل: إبل، بسكون الباء للتخفيف، والجمع: آبال.

<http://www.islamweb.net/ver2/archive/showayatafseer.php?SwraNo=88&TafseerNo=1&ayaNo=17> (Oktober 2007)

¹al-Mayda:niyy, jld.2, hlm. 260

²al-Mayda:niyy, jld.2, hlm.364.

Penggunaannya: Untuk menyatakan bahawa setiap sesuatu itu ada pemiliknya. Digunakan apabila ada sesuatu pihak ingin merampas atau mengambilnya dengan menggunakan kekerasan. Dan juga sebagai menyatakan keengganan untuk menyerahkan barang miliknya kepada pihak lain.

Mathal 4:

لَأَنَاقَتِي فِي هَذَا وَلَا جَمَلٍ ¹

Maksudnya: “Tiada untaku di dalam ini, betina ataupun jantan”.

Penggunaannya: Untuk seseorang itu menyatakan tentang sesuatu yang tidak ada kena-mengena dan tiada kaitan dengannya.

Mathal 5:

مَا أَرْخَصَ الْجَمَلُ لَوْلَا الْهَرَّةُ ²

Maksudnya: “Alangkah murah nya unta itu kalau tidak kerana anak kucing”

Penggunaannya: Menyatakan sesuatu yang besar dan berfaedah telah menjadi beban disebabkan oleh sesuatu yang kecil. Ataupun sesuatu yang berfaedah telah menjadi beban disebabkan oleh kaitannya dengan sesuatu yang tidak berguna.

¹Ibid, jld.3, hlm.166.

²al-Mayda:niyy, jld.3, hlm.251.

Mathal 6:

أَتَّبِعَ الْفَرَسَ بِجَانِبِهَا وَالنَّاقَةَ زِمَامِهَا¹

Maksudnya: “Memberi kuda berilah bersama talinya, memberi unta berilah bersama pengikatnya.

Penggunaannya: Dalam menyatakan pemberian sesuatu yang besar itu perlulah diikuti bersama sesuatu yang kecil yang tidak dapat dipisahkan antara keduanya. Ia juga digunakan sebagai galakan ke arah menyempurna dan melengkapkan kerja-kerja yang baik.

5.1.18 Kambing Biri-biri:

Kambing biri-biri merupakan sumber makanan utama bagi orang-orang Arab Jahiliah. Di samping itu binatang ini turut membekalkan susu sebagai minuman. Manakala bulu dan belulanganya pula dijadikan pakaian dan tempat berteduh. Di sini dipaparkan dua *mathal* yang ada kaitannya dengan binatang ini.

Mathal 1:

¹ Ibid, jld.1 , hlm.236.

كَالْحَرْوْفِ أَيْنَمَا مَالَ اتَّقَى الْأَرْضَ بِصُوفٍ¹
كَالْحَرْوْفِ أَيْنَمَا إِتَكَأَ إِتَكَأَ عَلَيَّ صُوفٍ

Maksudnya: “Bagaikan kambing biri-biri, ke arah mana saja berada sentiasa beralaskan bulu”.

Penggunaannya: Menyatakan kemewahan yang dimiliki oleh seseorang yang tidak pernah merasai sebarang kesusahan.

Mathal 2:

عِنْدَ الْبَطَاحِ يُغْلَبُ الْكَبِشُ الْأَجْمُ²

Maksudnya: “Ketika menanduk (bertarung) biri-biri tak bertanduk yang kalah”

Penggunaannya: Untuk mengingatkan bahawa seseorang yang tidak bersedia atau tidak cukup peralatan akan kecundang dalam perjuangannya. Dengan demikian seseorang itu hendaklah membuat persiapan yang rapi sebelum menceburkan diri atau melibatkan diri dalam sesuatu pekerjaan atau perlawanan.

5.1.19 Ayam

Ayam terdapat di mana sahaja di atas muka bumi ini. Dan ini tidak terkecuali di bumi Arab. Di sini dipaparkan beberapa *mathal* yang berkaitan dengan unggas ini.

Mathal 1:

¹al-Mayda:niyy, jld.2, hlm.24.

²al-Mayda:niyy, jld.2, hlm.336.

إِذَا صَاحَتْ الدَّجَاجَةُ صِيَاحَ الدِّيكِ فَلْتَذْبِخْ¹

Maksudnya: ‘ sekiranya ayam betina itu berkokok hendaklah disembelih”

Penggunaannya: Menyatakan perubahan sikap seseorang kepada sesuatu yang tidak sepatutnya, perlulah dihentikan dan diperangi.

Mathal 2:

أَسْلَحُ مِنْ دَجَاجَةٍ²

Maksudnya: “Lebih kuat berak daripada ayam”

Penggunaannya: Menggambarkan keadaan seseorang yang produktif dalam melahirkan sesuatu yang tidak diinginkan.

Mathal 3:

شَرُّ أَيَّامِ الدِّيكِ يَوْمٌ تُغَسَّلُ رِجْلَاهُ³

Maksudnya: “Hari yang paling malang bagi ayam jantan ialah hari apabila kedua-dua kakinya dibersihkan”

Penggunaannya: menggambarkan kebaikan yang diterima oleh seseorang itu yang membawa padah kepada dirinya sendiri.

Mathal 4:

¹Ibid, jld. 1, hlm.105.

²Ibid, jld. 2, hlm.143.

³al-Mayda:niyy, jld.2, hlm. 153.

كَأَنَّ بَيْضَةَ الدِّيَكِ¹

Maksudnya: “Ya merupakan telur ayam jantan”

Penggunaannya: Untuk menggambarkan sesuatu yang tidak mungkin berulang lagi. Juga digunakan untuk memberikan gambaran tentang sesuatu yang luar biasa.

5.1.20 Kucing

Kucing sebagai binatang kesayangan turut mendapat tempat dalam *mathal*. *Mathal* yang berkaitan dengan binatang ini berbunyi:

أَبْرٌ مِنْ هِرَّةٍ²

Maksudnya: “Lebih baik daripada anak kucing”.

Penggunaannya: Menyatakan tahap ketaatan seseorang.

Dari pembentangan ini kita dapati bahawa *mathal-mathal* yang berkaitan dengan binatang peliharaan dan binatang jinak kebanyakannya tidak dikaitkan dengan sifat-sifat yang negatif.

5.1.21 Makanan daripada binatang buruan:

Selain daripada binatang buruan, makanan yang dihasilkan daripada binatang buruan turut mempengaruhi pengungkapan *mathal*. Di bawah ini dikemukakan dua *mathal* yang berkaitan dengannya.

¹ Ibid, jld.3, hlm. 4.

²al-Mayda:niyy, jld.1, hlm.204.

Mathal 1:

كَانَ كُرَاعًا فَصَارَ ذِرَاعًا ¹

Maksudnya: “Dulu betis sekarang lengan”

Betis lembu atau kambing biasanya tidak terdapat sebarang isi atau daging untuk dimakan. Manakala bahagian lengan binatang itu dilitupi oleh daging yang banyak.

Penggunaannya: Ini digunakan dalam menggambarkan kehidupan seseorang yang berubah daripada keadaan yang kurang baik kepada suatu keadaan yang lebih baik. Umpamanya dulu miskin dan sekarang berubah menjadi kaya.

Mathal 2:

يَعْلَمُ مِنْ أَيْنَ تُؤْكَلُ الْكَتِفُ ²

Maksudnya: “Dia tahu dari mana dimakan bahu”, iaitu bagaimanakah caranya untuk mendapatkan daging bahu. Daging bahu adalah bahagian yang paling lembut dan enak berbanding dengan daging-daging dari bahagian lain. Dan dikatakan jika ia ditarik daripada tempat tertentu akan tercabut keseluruhannya

¹Ibid, jld. 3, hlm.3. Lihat juga: Si:niyy et al, hlm.19.

²al-‘Askariyy, jld.2, hlm. 433.

dan jika ditarik dari tempat lain ia akan tercabut sebahagian kecil sahaja. Jadi menariknya dari tempat yang sesuai akan memberikan hasil yang banyak.¹

Penggunaannya: *Mathal* ini bertujuan untuk menggambarkan atau membuat pemerian tentang seseorang yang pandai dan bijak dalam mendapatkan sesuatu yang terbaik.

Dari pembentangan ini juga didapati kuantiti atau jumlah *mathal* yang dihasilkan atau diungkapkan itu bergantung sepenuhnya kepada tahap kaitan binatang-binatang tersebut dengan kehidupan masyarakat Arab. Dan juga bergantung kepada sejauh mana bermaknanya sesuatu binatang itu dalam kehidupan mereka.

5.2 Perburuan (haiwan) Angkasa

Burung adalah antara binatang yang terpilih. Allah telah memilih burung dan disebut dalam al-Qur'an melalui beberapa ayat. Ayat-ayat yang menceritakan burung yang terdapat dalam al-Qur'an kesemuanya mengaitkan binatang ini dengan perkara-perkara yang baik dan positif. Tidak terdapat satu ayat pun di dalam al-Qur'an yang mengaitkan sesuatu yang negatif, melainkan ayat-ayat yang

¹Si:niyy et al, hlm.43.

menceritakan perihal orang-orang kafir yang mempercayai kesialan sesetengah burung.

Orang yang beriman kepada Allah SWT telah dijanjikan oleh Allah SWT akan ditempatkan di dalam syurganya. Di dalam surga Allah menjanjikan pula dengan berbagai nikmat. Nikmat-nikmat itu kesemuanya tidaklah sama dengan apa yang pernah dirasa dan dikecapi oleh manusia semasa hidup di dunia. Antara nikmat tersebut ialah daging burung. Hal ini seperti yang terdapat di dalam firmanNya:



Maksudnya: Dan daging burung dari apa yang mereka ingini.


Apa yang dimaksudkan dengan perburuan angkasa di sini ialah perburuan terhadap burung-burung. Pemberian nama seperti ini mengikut sifat asal kebanyakan burung atau hampir keseluruhannya terbang di udara. Walaupun terdapat di kalangan burung itu langsung tidak boleh terbang umpamanya burung unta. Manakala burung puyuh pula banyak berada di atas tanah. Namun begitu perburuan terhadap binatang ini tetap diklasifikasikan dalam pemburuan udara. Begitu juga dengan ayam, itik dan sebagainya.

¹ al-Wa:qi'at, 56:21.

Manakala dari segi memburu dan memakan daging burung dipercayai semenjak dulu kala lagi orang Arab menikmati kelazatan dan keenakan daging burung.

Segala apa yang dijanjikan oleh Allah kepada semua hamba-Nya yang taat dalam syurga nanti merupakan sesuatu yang pernah dikenali dan pernah dikecapi semasa hidupnya di dunia, seperti susu, madu, sungai, mahligai dan lain-lain lagi.

Manakala dalam ayat lain pula dipaparkan bahawa umat Nabi Musa telah dihidangkan dengan daging burung, seperti dalam firman-Nya:



Maksudnya: Dan kami menaungi kamu dengan awan, dan kami menurunkan kepadamu *manna* dan *salwa*: (puyuh). makanlah makanan yang baik-baik yang telah kami berikan kepadamu; dan tidaklah mereka menganiaya kami; akan tetapi merekalah yang menganiaya diri mereka sendiri.

Aya-ayat di atas memberi gambaran kepada kita bahawa burung telah menjadi makanan kepada orang terdahulu dan juga kepada orang-orang Arab.

¹al-Baqarat, 2:57.

Manakala cerita mengenai perburuan udara kalangan orang-orang Arab Jahiliyah banyak sekali. Keadaan ini sudah tentu banyak mempengaruhi terbentuknya *mathal-mathal* yang berkaitan dengan burung dan perburuan udara atau perburuan angkasa ini.

5.2.1 Burung Unta (ostrich)

Haiwan ini adalah antara beberapa jenis binatang yang mempunyai kedudukan yang baik dalam masyarakat Arab. Ia menduduki tempat yang bersamaan dengan kijang dalam catatan puisi Jahiliyah. Hal ini kerana segala apa yang ada pada haiwan ini, membawa orang Arab Jahiliyah mengait dan menyamakannya dengan wanita. Dagingnya enak dan banyak. Kedua matanya besar dan cantik. Kasih sayangnya terhadap anak-anaknya serta kesabarannya juga turut digambarkan. Walau bagaimanapun beberapa aspek negatif mengenai haiwan ini turut dijemakan dalam *mathal*.

Haiwan ini dilihat sebagai kacukan antara unta dengan burung. Oleh itu orang Arab mengatakan dalam *mathal* mereka:

¹مِثْلُ النَّعَامَةِ لِأَطْيَرٍ وَلَا جَمَلٍ

Maksudnya: “Seperti burung unta yang tidak burung dan tidak unta”. Orang Parsi menamakannya *Ushtur-e murgh* ataupun unta burung.

¹al-Mayda:niyy, jld.3, hlm.293.

Burung jantan dipanggil “zali:m” dan anaknya pula dipanggil “al-rael”.

Burung ini telah masuk ke dalam lagenda orang Arab Jahiliyah sehingga kedua-dua telinganya dipotong kerana tamak untuk mendapatkan tanduk. Hal ini seperti yang diriwayatkan dalam *mathal*:

كَطَالِبِ الْقَرْنِ جُدِعَتْ أُذُنُهُ¹

Maksudnya: “Seperti yang mencari tanduk telah dipotong telinganya.

Mathal-mathal lain yang diriwayatkan kepada kita menggambarkan keadaan haiwan ini pada masa itu. Burung unta ini dijadikan *mathal* oleh orang-orang Arab tentang dua perkara yang berlawanan, iaitu sifat bodoh dan sifat hati-hati. Berkaitan dengan yang pertama, terdapat *mathal* yang berbunyi:

أَحْمَقُ مِنْ نَعَامَةٍ²

Maksudnya: “Lebih bodoh daripada burung unta.”

Burung ini dikaitkan dengan sifat bodoh apabila orang-orang Arab memerhati gelagat dan perilaku burung ini ketika dia mengeram telurnya. Mereka mendapati burung ini ketika keluar untuk mencari makan apabila terjumpa telur burung lain dia akan mengeramnya dengan meninggalkan telurnya sendiri. Keadaan yang sama jugalah yang dibuat oleh burung unta lain.

¹ Ibid, jld.3, hlm.18.

²al-Mayda:niyy, jld.1, hlm.399

Sehubungan dengan itu Ibnu Hurmat mengungkapkan puisinya, satu daripada bait puisinya berbunyi:

كَتَارِكَةٌ بَيْضُهَا بِالْعَرَاءِ وَمُلْبِسَةٌ بَيْضَ أُخْرَى جَنَاحًا¹

Maksudnya: Ia bagaikan si burung betina yang meninggalkan telurnya terdedah kesejukan, sedangkan dia melindungi telur yang lain dengan sayapnya.

Sehubungan dengan ini Ibn al-'Arabiyy berkata: Apa yang dimaksudkan dengan telur dalam bait itu tadi adalah telur burung unta.²

Manakala sifat hati-hati burung ini terkandung dalam *mathal* berikut:

أَحْذَرُ مِنْ ظَلِيمٍ³

Maksudnya: “Lebih berhati-hati daripada burung unta jantan.

Selain daripada sifat di atas burung ini juga dikaitkan dengan gila, laju dan culas.

Dengan demikian perkataan *نعامة* digunakan oleh orang-orang Arab untuk mengaitkan sifat-sifat tersebut dengan seseorang. Contohnya: *شَأَلْتُ نَعَامَتُهُمْ* yang

¹ Ibid, jld.1, hlm.399

² al-Mayda:niyy, jld.1, hlm.399.

³ Ibid, jld.1, hlm. 402.

bermaksud: kelajuan mereka telah hilang dan خَفَّتْ نَعَامُهُمْ bermaksud gila mereka telah kurang.¹

5.2.2 Burung القطا (*al-Qata*)

Burung ini adalah dari jenis merpati. Nama yang diberikan kepada burung ini ada kaitannya dengan bunyi yang dikeluarkannya. Disebabkan oleh persamaan antara nama dengan bunyi yang dikeluarkan, maka orang-orang Arab menganggap burung ini bersikap benar. Dengan demikian mereka menjadikannya *mathal* dari aspek kebenaran. Sehubungan dengan itu muncullah *mathal* yang berikut:

أَصْدَقُ مِنْ قَطَاةٍ²

Maksudnya: “Lebih benar (dipercayai) daripada burung qata.

Ketika peperangan orang-orang Arab Jahiliah menjadikan burung ini sebagai petanda. Hal ini seperti yang terdapat ddalam *mathal* yang berikut:

لَوْ تَرَكْتُ الْقَطَا لَيْلًا لَنَامَ³

Maksudnya: Sekiranya burung qata ini dibiarkan (tidak diganggu) pada waktu malam nescaya dia akan tidur”.

Terdapat dua cerita yang membawa kepada terungkapnya *mathal* ini:

Pertama: Bahawa ‘Amru bin Ma:mat telah singgah pada salah satu keluarga dari puak Murad. Lalu mereka ini mendatangnya waktu malam. Keadaan ini

¹Ibid, jld.1, hlm.340.

²al-Mayda:niyy, jld.2, hlm.247.

³ Ibid, jld.3, hlm.82

menyebabkan burung qata terbang bertempiaran meninggalkan tempat tidurnya. Isteri tuan rumah mengejutkan suaminya dan memberitahu kebisingan yang didengarnya. Lalu si suami menjawab itu adalah burung qata. Lalu si isteri mengungkapkan *mathal* ini.¹

Manakala dalam cerita yang kedua dikatakan bahawa orang yang pertama yang mengungkapkan *mathal* ini ialah Huzam binti al-Rayya:n. Beliau mengungkapkan *mathal* ini setelah mendapati burung qata terbang bertempiaran setelah keluarganya diserang oleh pihak luar.²

Walaupun kedua-dua cerita ini berbeza, tetapi dari segi sebab yang membawa kepada kecelaruan dan panik kalangan burung qata itu adalah sama, iaitu gangguan. Didapati burung qata ini sensitif waktu malam.

Apa yang menyebabkan terungkapnya *mathal* ini pemerhatian teliti yang dilakukan oleh orang Arab terhadap segala aspek kehidupan dan gelagat burung ini.

5.2.3 Burung خُبَارَى (*huba:ra:*)

¹ Ibid, jld.3, hlm.82

²al-Mayda:niyy, jld.3, hlm.82.

Burung ini saiznya sebesar ayam, nama setempatnya ialah “ayam api”. Ia mempunyai bulu yang lebat. Kadang kala dipanggil ayam hutan atau ayam liar. Panggilan ini untuk burung jantan dan burung betina. Ini berbeza dengan burung-burung atau binatang-binatang lain dalam bahasa Arab yang mempunyai nama yang berbeza antara yang jantan dengan yang betinanya. Ia merupakan burung yang mempunyai keupayaan yang kuat untuk terbang dan boleh terbang jauh. Sebagai buktinya, burung ini pernah diburu di Basrah dan didapati di dalam perutnya mengandungi sejenis bijirin hijau segar yang hanya ditanam di dataran tinggi Syam.¹

Musuh utama kepada burung ini ialah helang. Namun ia mempunyai caranya yang tersendiri untuk menyelamatkan dirinya. Sehubungan dengan ini satu *mathal* telah diungkapkan:

وَعَيْدُ الْحُبَارِي الصَّغْرَ²

Maksudnya: “Ancaman burung huba:ra kepada helang”.

Mathal digunakan untuk menyatakan bahawa setiap orang itu ada musuhnya. Dan setiap orang itu pula ada cara dia mempertahankan diri daripada ancaman musuhnya.

¹Abu: ‘Aliyy, hlm.221.

²al-Mayda:niyy, jld.3, hlm.428.

Seperti yang diceritakan, burung ini tidak memiliki sebarang senjata seperti kuku, paruh yang tajam dan lain-lain untuk mempertahankan diri daripada serangan helang. Akan tetapi ia mempunyai helah untuk melapaskan diri daripada serangan helang, bahkan ia mampu menumpaskan penyerangnya.

Senjata bagi burung ini untuk mempertahankan dirinya adalah tahinya sendiri. Apabila ia dihambat atau dikejar oleh helang ia akan terbang ke atas dan ke bawah, ke kiri dan ke kanan dengan menukar haluannya dengan pantas. Kemampuannya ini menyukarkan helang untuk memahaminya. Apabila ada peluang yang sesuai burung ini akan berak ke arah helang yang akan menyebabkan helang itu tergamam seketika. Keadaan ini memberikan peluang kepadanya untuk meloloskan diri.¹

Hasil daripada pemerhatian terhadap gelagat dan perilaku burung ini maka orang-orang Arab juga telah melahirkan satu *mathal* lain yang berbunyi:

أَسْلَحُ مِنْ حُبَارِي²

Maksudnya: “lebih kuat berak daripada *huba:ra*.”

Dari aspek lain pula burung *huba:ra*: ini merupakan burung yang kurang sensitif dengan kejutan. Berbanding dengan burung-burung lain apabila dikejutkan akan

¹Abu: ‘Aliyy, hlm.221.

²al-Mayda:niyy, jld. 2 , hlm.143.

terus terbang bertempiaran. Sehubungan dengan sifatnya itu terungkaplah satu *mathal* lain yang berbunyi:

أَكْمَدُ مِنَ الْحُبَارِيِّ¹

Maksudnya: “Lebih tenang daripada burung *huba:ra*”.

Manakala penggunaan *mathal* ini adalah untuk menunjukkan ketenangan.

Dalam menggambarkan seseorang itu mati dalam keadaan tenang orang-orang Arab akan menggunakan *mathal* berikut:

مَاتَ فُلَانٌ كَمَدَ الْحُبَارِيِّ²

Maksudnya: “Si anu itu telah meninggal dunia setenang *huba:ra*”.

Dari kedua-dua sifat menonjol yang terdapat pada burung itu iaitu, tenang dan kuat berak, maka terungkaplah kedua-dua *mathal* di atas.

5.2.4 Burung Hantu

لَوْ كَانَ فِي الْبُومَةِ خَيْرٌ مَا تَرَكَهَا الصَّيَّادُ³

Maksudnya: “Sekiranya ada kebaikan pada burung hantu itu tentulah pemburu tidak akan melepaskannya”

Burung hantu kalangan banyak penduduk dunia merupakan burung pembawa berita atau petanda sial.

¹Ibid, jld.3, hlm.72.

²Ibn Manzu:r, Perkara: حبر

³Ibid, hlm.97

Mathal ini digunakan untuk memberi peringatan kepada seseorang yang sedang membuat pilihan mengenai sesuatu yang tidak baik

5.2.5 Burung قُنْبَرَة (*Qumbarat*)

Burung ini bersaiz kecil, hanya sebesar burung ciak sahaja. Burung ini biasa ditangkap dengan menggunakan perangkap. Burung jenis ini tidak disebut secara langsung dalam *mathal*, tetapi pengungkapan *mathal* berikut mempunyai kaitan dengan pemburuan terhadap burung ini. *Mathalnya* berbunyi:

خَالًا لِّكَ الْجُوْثِيْبِي وَاصْفَرِي¹

Maksudnya: Persekitaran telahpun tenang. Bertelur dan bersiullah wahai burung.

Mathal puisi ini digunakan untuk menyatakan keadaan aman dan tenteram yang boleh dikecapi oleh seseorang. (Sila lihat kembali puisi ini di halaman 204).

5.2.6 Burung-burung secara umum

Selain daripada burung-burung tertentu dengan nama tersendiri, perkataan burung secara umum juga turut mempengaruhi pengungkapan *mathal* oleh orang-orang Arab. Di bawah ini dikemukakan beberapa *mathal* yang berkaitan:

Mathal 1:

الطُّيُورُ عَلَيَّ أَشْكَالَهَا تَتَّقُ¹

¹al-Mayda:niyy, jld.1, hlm.432.

Maksudnya: “Burung-burung akan turun ke atas yang sejenis dengannya”

Penggunaannya: Untuk menerangkan bahawa manusia cenderung kepada menggauli orang yang sebangsa atau yang mempunyai persamaan tidak kira dalam aspek apa sekalipun. Dengan demikian kita dapati bahawa kanak-kanak bergaul sesama kanak-kanak, remaja sesama remaja, dewasa sesama dewasa dan sebagainya.

Selain daripada memburu untuk mendapatkan burung sebagai makanan, burung juga turut dipelihara dan dijadikan binatang ternakan. Pemeliharaan burung juga kadang-kadang untuk dijadikan binatang perburuan, contohnya memelihara burung helang. *Mathal* berikut dipengaruhi oleh keadaan tersebut.

Mathal 2:

الطُّيُورُ عَلَيَّ الْأَفْهَى تَنْعَعُ²

Maksudnya: “Burung-burung akan turun ke atas penjinaknya”

Burung biasanya mengenali dan mengingati orang-orang yang menjinakkannya dengan memberi makan dan sebagainya. Justeru ia akan turun kepada penjinaknya itu kerana merasa selamat dari ancaman dan juga untuk mendapatkan makanan.

¹Si:niyy et al, hlm.11.

²Si:niyy et al, hlm.73.

Penggunaannya: Untuk menggambarkan bahawa manusia cenderung dan sukakan orang yang memberikan perhatian kepadanya seperti menolongnya ketika berada dalam kesusahan, mengambil tahu tentang susah senangnya dan sebagainya.

Mathal 3:

يَسْقُطُ الطَّيْرُ حَيْثُ يَلْتَقِطُ الْحَبَّ¹

Maksudnya: “Burung-burung akan turun di mana terdapatnya bijirin”

Biasanya seseorang yang pemurah itu disukai dan disenangi oleh orang ramai. Orang ramai akan mencarinya untuk mendapatkan pertolongan, bantuan dan sebagainya. Keadaan ini samalah seperti burung yang menuju ke tempat di mana terdapatnya makanan yang terdiri daripada bijirin dan sebagainya.


Mathal ini digunakan untuk memberi galakan kepada orang ramai supaya menjadi seorang yang pemurah dan bersedia untuk memberikan pertolongan kepada sesiapa yang memerlukannya.

5.3 Perburuan Laut

Hubungan manusia dengan laut adalah seawal mereka diciptakan lagi. Hal ini kerana penciptaan laut itu sendiri bertujuan untuk dikurniakannya kepada manusia. Allah mengurniakan laut dengan segala apa yang terkandung di dalamnya yang terdiri daripada berbagai-bagai jenis benda dan jenis hidupan.


¹Si:niyy et al, hlm.91.

Hidupan laut masih banyak menjadi mistera dan rahsia dalam kehidupan manusia. Walau bagaimanapun kesemuanya adalah kurniaan Allah kepada manusia, dengan tujuan memperlengkap makhluk ciptaannya itu dengan segala apa yang diperlukannya. Sehubungan dengan ini Allah SWT berfirman:



Maksudnya: Dan Dialah, Allah yang menundukkan lautan (untukmu), agar kamu dapat memakan daripadanya daging yang segar (ikan), dan kamu mengeluarkan dari lautan itu perhiasan yang kamu pakai; dan kamu melihat bahtera berlayar padanya, dan supaya kamu mencari (keuntungan) dari kurnia-Nya, dan supaya kamu bersyukur.

Makanan yang didapati dari laut sama ada melalui pemburuan dan lain-lainnya semamangnya baik untuk semua manusia, dan ikan telah dijadikan makanan oleh orang-orang terdahulu. Firmannya:



¹al-Nahl, 16:14.

hari Sabtu (hari ibadat), waktu datang kepada mereka ikan-ikan (yang berada di sekitar) mereka terapung-apung di permukaan air, dan hari-hari yang bukan Sabtu, ikan-ikan itu tidak datang kepada mereka. Demikianlah kami mencuba mereka disebabkan mereka berlaku fasik.

Kesimpulan daripada ayat di atas bahawa mereka menunggu ikan di tepi pantai dan tidak ke tengah laut. Dapat dilihat juga mereka dapat menangkap ikan dengan banyaknya. Berkemungkinan juga bahawa makna asal bagi “*hut*” itu berasal daripada perkataan *hawata* iaitu yang memberi maksud mengelilingi dan berhelah.

Ada tiga *mathal* yang terkenal yang ada menyebut *al-Hu:t* (ikan besar) di dalamnya.

Mathal 1:

أَكَلُ مِنْ حُوتٍ¹

Maksudnya: “Lebih banyak makan daripada *al-Hu:t* (ikan paus)”.

Mathal 2:

أَزْوِي مِنْ الحُوتِ²

Maksudnya “Lebih hilang dahaga daripada *al-Hu:t* (ikan paus)”

¹al-Mayda:niyy, jld.1, hlm.149.

² Ibid, jld. 2, hlm.74.

Mathal 3:

أَظْمَأُمِنْ حُوتٍ¹

Maksudnya: “Lebih dahaga daripada *al-Hu:t*.”

Bagi perkataan الحُوتُ dari segi maknanya terbahagi kepada dua. Yang pertamanya merujuk kepada semua jenis ikan tanpa melihat kepada saiznya ataupun jenisnya. Manakala makna yang kedua hanya merujuk kepada ikan paus sahaja. Sementara itu ikan-ikan lain selain daripada ikan paus dipanggil سَمَكٌ.

Berkenaan *mathal* pertama, ramai memberi banyak penerangan tentangnya. Antara penerangan yang diberikan ialah dikatakan “lebih banyak makan daripada *al-hu:t*”. Apabila dikaitkan dengan makan tentu sekali yang dimaksudkan di sini ialah ikan paus, ini sesuai dengan ukuran dan saiz badannya yang besar.

Dari segi lain pula orang Arab tidak mengaitkan *hu:t* ini dengan minum. Mereka bukan mengatakan “lebih banyak minum”. tetapi mereka mengatakan “lebih menghilangkan haus daripada *al-hu:t*”. Hal ini kerana mereka takut ianya membawa kepada pemahaman banyak minum. Lalu ditukar kepada “lebih menghilangkan haus daripada *al-hu:t*” bermaksud keadaan yang sentiasa bercukupan untuk menghilangkan dahaga kerana ia tidak pernah meninggalkan air. Dalam penerangan mengenai “lebih haus daripada *al-hu:t*”, dapat diperhatikan

¹ Ibid, jld 2, hlm.316.

adanya perbezaan antara penganalisis *mathal* antara menghilangkan dahaga dengan dahaga. Hamzah al-Ashbahani yang dipetik oleh al-Maydaniyy dalam bukunya *al-'Ain* bahawa ia bermaksud seolah-olah mendakwa ikan itu haus dalam lautan.¹ Akan tetapi apa yang dimaksudkan ialah “seolah-olah ikan itu berada dalam keadaan terlalu haus sehingga membuatkan dia tidak sanggup meninggalkan air”.

Sehubungan dengan maksud *mathal* ini, penulis berpendapat bahawa harus difaham dalam bentuk lawan ataupun terbaliknyanya, iaitu seperti orang Arab Jahiliyah menamakan dan memanggil orang yang diptuk ular سَلِيمًا (yang selamat). Manakala kemusnahan di padang pasir مَفَاوِزُ bermaksud kemenangan dan أَبُو البَصِيرِ (yang melihat) bagi si buta, maka tiada yang menghalang di sini daripada mengatakan dalam bentuk lawannya kerana orang-orang Arab sememangnya menggunakan cara ini.

5.4 Kesimpulan

Daripada apa yang dipaparkan, didapati orang Arab Jahiliyah banyak sekali melibatkan diri dalam aktiviti perburuan darat. Keadaan ini telah mempengaruhi kelahiran banyak *mathal* yang berkaitan dengan binatang-binatang darat, ini diikuti dengan pemburuan udara yang melibatkan berbagai-bagai jenis burung.

¹Abu: 'Aliyy, hlm.200.

Manakala dalam perburuan laut didapati penglibatan orang-orang Arab terlalu kecil. Keadaan ini mempengaruhi kemunculan *mathal-mathal* yang ada hubung kaitnya dengan perburuan laut. Didapati *mathal-mathal* yang berkaitan dengan laut, ikan dan sebagainya terlalu kecil, walaupun tiga perempat daripada bumi Semenanjung Arab dikelilingi laut. Keadaan ini dipengaruhi oleh kedudukan pusat-pusat penempatan utama mereka yang pada keseluruhannya terletak di kawasan tengah Semenanjung Arab.